


PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI ISNIN: 2 MARCH 2009

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 4, 12, 13, 15, 16, 18 HINGGA 22 DAN

24 HINGGA 74

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 3,
5 HINGGA 11, 14, 17, 23**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

TARIKH : 2 Mac 2009 (Isnin)

SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada satu LCCT, Pusat Maintenance Repair Overhaul (MRO) dan kargo baru akan dibina di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang selain daripada kerja menaiktaraf, kosnya dan adakah tender terbuka diadakan. Apakah sebab Pulau Pinang diabaikan apabila ia adalah pintu masuk kedua penting Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah *Low-Cost Carrier Terminal (LCCT)*. Mengenai Pusat *Maintenance Repair Overhaul (MRO)* pula, adalah dimaklumkan bahawa kemudahan ini adalah dimajukan oleh pihak swasta. Sehingga kini, Kerajaan tidak menerima sebarang cadangan untuk mendirikan Pusat MRO di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Namun begitu, sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan kepada soalan yang sama yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Bagan, pada 23 Februari 2009 yang lalu bahawa Kementerian Pengangkutan sememangnya bercadang untuk menaik taraf lapangan terbang tersebut. Apa yang telah diambil tindakan oleh Kementerian adalah perancangan untuk Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang tersebut yang akan dipohon di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) kelak. Diantara komponen projek utama yang akan dipohon di bawah RMKe-10 meliputi

pemanjangan landasan untuk pesawat B747-400 tanpa had muatan, tambahan *parking apron*, pembesaran kemudahan kargo, pembesaran bangunan terminal serta pengasingan aliran penumpang domestik dan antarabangsa. Memandangkan projek tersebut masih lagi di peringkat awal perancangan, maka Kementerian pada ketika ini tidak dapat menentukan kos serta proses perolehan yang akan dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**DARIPADA : DR.MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 2 MAC 2009

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Berapakah tempahan untuk konvesyen dan pameran bertaraf antarabangsa yang diterima Kementerian untuk tahun 2009 dalam usaha menjadikan sebagai destinasi konvesyen dan pameran dunia.

JAWAPAN

Tuan yang Dipertua,

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai destinasi konvesyen dan pameran dunia, Kementerian Pelancongan Malaysia melalui agensinya Tourism Malaysia telah membuat sebanyak 38 bidaan pada tahun 2008 dimana 10 acara telah berjaya dimenangi. Acara-acara tersebut adalah:-

- *Collegium Internationale Neuro-Psychopharmacologicum (CINP) Asia Pacific Regional Meeting, Mac 2008 (400 delegasi);*
- *Asia Europe Young Leaders Symposium 2009;*
- *Healthcare Information & Management Systems Society 2009 (HIMSS) AsiaPac Conference (1,200 delegasi);*
- *American Association for Clinical Chemistry Annual Meeting, Oktober 2009;*
- *IPC General Assembly, November 2009 (500 delegasi);*
- *PRI Nadcap, June 2010 (500 delegasi);*
- *International Society for Low Vision Research and Rehabilitation 2011 (2,000 delegasi);*

- *World Interhash 2010 (5,000 delegasi);*
- *Global Ecotourism Conference 2010; dan*
- *International Congress on Obesity 2014 (5000 delegasi);*

Hasil bidaan tahun-tahun yang lepas, bagi tahun 2009 sebanyak 8 konvesyen dan pameran dunia akan berlangsung di Malaysia iaitu:

- *Asia Europe Young Leaders Symposium 2009;*
- *Healthcare Information & Management Systems Society 2009 (HIMSS) AsiaPac Conference, Februari (1,200 delegasi);*
- *World Chamber Congress and Exhibition 2009, Jun (2,000 delegasi);*
- *AIESEC Congress and Exhibition 2009; Julai (1,000 delegasi);*
- *World Airline Entertainment Annual Conference and Exhibition 2009, Oktober (1,500 delegasi);*
- *American Association for Clinical Chemistry Annual Meeting, Oktober 2009;*
- *IPC General Assembly, November 2009 (500 delegasi); dan*
- *Congress on Controversies in Obstetrics, Gynecology & Infertility (COGI) 2009, November (1,500 delegasi)*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG
(LABIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.03.2009

Tuan Chua Tee Yong (Labis) menyatakan kedudukan rizab antarabangsa negara pada bulan Januari 2009 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan penurunan rizab ini serta adakah kemungkinan rizab ini menjadi sifar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan rizab antarabangsa negara pada Januari 2009 berjumlah RM316.8 bilion dan terkini pada 13 Februari 2009 berjumlah RM317.7 bilion. Sungguhpun, paras rizab ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan RM410.9 bilion yang dicatatkan pada bulan Jun 2008, paras rizab terkini ini mampu untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan adalah 4 kali lebih tinggi daripada hutang luar negeri jangka pendek.

2. Kedudukan rizab antarabangsa negara mula mengalami penurunan secara beransur sejak suku keempat 2008 berikutan aliran keluar modal portfolio jangka pendek dalam jumlah yang besar disebabkan oleh penghantaran balik dana ke negara asal dan aktiviti pembayaran balik hutang global yang lebih intensif oleh institusi kewangan global. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, negara-negara lain di rantau ini seperti Korea, Singapura dan Indonesia juga mengalami trend aliran keluar dana yang besar dalam tempoh yang sama, menyebabkan paras rizab mereka semakin berkurangan. Namun begitu, trend aliran keluar dana kini tidak begitu ketara apabila tahap pembayaran hutang global berkurang dengan ketara menjelang akhir tahun 2008.

3. Menyedari hakikat ini, Kerajaan pada 4 November 2008 telah membentangkan pakej rangsangan ekonomi khusus bagi meningkatkan aktiviti ekonomi domestik, mencari pasaran eksport baru serta menarik pelaburan swasta yang berdaya maju bagi menjana pertumbuhan ekonomi. Sebanyak RM1.5 bilion telah diperuntukan ke dalam dana pelaburan bertujuan untuk menarik pelabur swasta ini. Langkah tersebut akan membantu prospek pemulihan ekonomi dan seterusnya menstabilkan kedudukan rizab bagi tahun 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]**

Tarikh : **ISNIN, 2 MAC 2009**

SOALAN

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh mana penerimaan maklum balas penonton terhadap penjenamaan semula berita Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada awal Januari lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Libaran atas soalan yang dikemukakan. Selaras dengan penstrukturan semula jadual TV1 dan TV2 bermula 1 Januari 2009, satu kajian reaksi am telah dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan pada 7 dan 8 Januari 2009 di seluruh negara untuk melihat reaksi rakyat terhadap penstrukturan tersebut. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa seramai 553 orang daripada 749 responden atau 74% penonton RTM bersetuju dengan perubahan yang dilaksanakan.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DR. LEE BOON CHYE**
- TARIKH** : **2 MAC 2009 [ISNIN]**
- SOALAN** : **Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan nilai keluaran sarang burung setiap
tahun mulai 2004 - 2008. Apakah usaha-usaha
Kementerian untuk mengawal selia dan memajukan
Industri Sarang Burung.**
- JAWAPAN** : **Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan
Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Industri sarang burung walit merupakan satu industri yang baru di negara ini dan telah menarik minat ramai pengusaha menceburi bidang ini sejak akhir-akhir ini. Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), peningkatan pengeluaran sarang burung dapat dilihat melalui jumlah eksport sarang burung walit ke luar negara, iaitu:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah Eksport (kg)</u>	<u>Nilai (RM)</u>
2005	3.8	15,200
2006	800	17,400
2007	425.99	12,063,232
2008 (sehingga Jun)	885.1	5,650,250

Di samping menjalankan kerja-kerja kawal selia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui JPV telah melaksanakan langkah-langkah untuk memajukan industri sarang burung dengan:

- (i) menyediakan garis panduan Amalan Baik Penternakan Burung Walit;
- (ii) mengendalikan kursus Amalan Baik Perladangan Burung Walit dan mengeluarkan sijil *Good Animal Husbandary Practice* serta memberikan khidmat nasihat kepada pengusaha; dan
- (iii) menggalakkan penternakan burung walit oleh pengusaha-pengusaha dengan menggunakan kaedah *ecopark* di tanah-tanah pertanian bagi mengelakkan isu kacau ganggu kepada penduduk kawasan bandar.

Selain JPV, terdapat juga beberapa agensi lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam industri ini, iaitu:

- (i) Jabatan Kerajaan Tempatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab dalam aspek

pengeluaran lesen premis bagi penternakan burung walit dalam bangunan-bangunan di kawasan PBT; dan

- (ii) Jabatan PERHILITAN di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang bertanggungjawab dalam konservasi burung layang-layang di Semenanjung Malaysia serta mengeluarkan lesen mengambil sarang burung layang-layang, lesen untuk menjalankan perniagaan dan lesen import/eksport sarang burung layang-layang.

Bagi meningkatkan lagi kawal selia serta memajukan industri ini, Kementerian sedang dalam proses menyediakan satu Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri untuk menjadikan JPV sebagai agensi peneraju dalam pembangunan industri ini supaya perancangan dan pelaksanaan pembangunan serta pemantauan penternakan burung walit bagi mendapatkan sarangnya dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan teratur.

SOALAN NO: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 2 MAC 2009

RUJUKAN : 1529

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas Pengarah Jabatan Logistik, Polis DiRaja Malaysia berhubung dengan masalah disiplin kahwin dua dan juga salah laku yang melibatkan beberapa pegawai kanan PDRM yang telah dibangkitkan dalam sidang Dewan Rakyat yang lepas. Jika tiada tindakan diambil, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh yang telah mengemukakan soalan.

Berdasarkan kepada peraturan PDRM, mana-mana pegawai atau anggota polis yang hendak berkahwin sama ada untuk kali pertama atau berikutnya mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Ketua Jabatan. Dalam kes Pengarah Jabatan Logistik, beliau telah membuat permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan dan permohonan tersebut telah mendapat kelulusan daripada Ketua Polis Negara. Sehubungan dengan ini, tidak wujud sebarang kesalahan disiplin dan pelanggaran peraturan yang dilakukan oleh beliau. Sementara itu, siasatan juga sedang dilakukan terhadap beberapa orang pegawai kanan yang bertugas di Jabatan Logistik PDRM yang dikatakan terlibat dengan salahlaku, namun, setakat ini hasil siasatan oleh Bahagian Tatatertib PDRM adalah negatif.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM@ NYALLAU ANAK BADAK
(LUBOK ANTU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.03.2009

Tuan William @ Nyallau Anak Badak (Lubok Antu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah rakyat termiskin yang tidak mampu membina rumah yang tinggal di rumah-rumah panjang di negeri Sarawak mendapat sebarang faedah daripada program pembinaan rumah mesra rakyat seperti yang diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dalam pakej rangsangan ekonomi dalam bajet tahun lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kumpulan sasaran Rumah Mesra Rakyat (RMR) adalah rakyat berpendapatan rendah berumur di antara 21-65 tahun dengan pendapatan isi rumah di bawah RM1,500 sebulan yang belum mempunyai rumah sendiri. Pemohon pula mestilah mempunyai tanah sendiri atau tanah saudara-mara terdekat yang memberi kebenaran berkanun untuk menduduki tanah tersebut. Kos pembinaan rumah tersebut adalah RM60,000 hingga RM70,000

sebuah di Semenanjung dan di antara RM55,000 hingga RM76,000 di Sabah dan Sarawak. Kerajaan akan membiayai satu pertiga ($1/3$) daripada kos pembinaan manakala dua pertiga ($2/3$) lagi dibiayai oleh pemilik dalam bentuk pinjaman tanpa faedah.

Sekiranya penghuni-penghuni rumah panjang berkenaan memenuhi kriteria-kriteria seperti yang telah dinyatakan, permohonan mereka boleh dipertimbangkan dan akan mendapat faedah dari skim perumahan RMR yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.

fasa kedua iaitu pemantapan 88 sekolah bestari (2003 – 2006) dan fasa ketiga iaitu pembestarian sekolah (2006 – 2010) ialah RM 230.39 juta.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah melaksanakan Program Pembestarian Sekolah. Program ini memberi maksud mengaplikasikan konsep Sekolah Bestari pada semua sekolah rendah dan menengah seluruh negara. Program ini merupakan proses berterusan ke arah pembudayaan penggunaan ICT dalam pendidikan bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran, serta keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah serta kompetensi guru. Proses ini dapat melatih guru dan murid mahir ICT. Justeru, kemahiran yang diperolehi dapat melahirkan murid yang mengamalkan pembelajaran akses sendiri (self-access), terarah (self-directed) dan kadar sendiri (self-paced).

16 = 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING
TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.21

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-

- (a) strategi universiti tempatan untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi di Malaysia; dan
- (b) adakah pensyarah berwibawa antarabangsa akan dijemput untuk mengajar di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) ada menggariskan strategi untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi di universiti tempatan iaitu di bawah pelaksanaan Teras 2 yang berkaitan dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Di antaranya termasuklah:

- i. Menambah baik kurikulum supaya sentiasa relevan dan memastikan pelaksanaannya ke arah pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan;

- ii. Memantau, menilai kemajuan prestasi , kualiti kurikulum dan program pengajian secara berterusan dan berkala bagi memantapkan daya saing IPT;
 - iii. Memberikan pengiktirafan kepada IPT yang mencapai tahap penarafan kualiti tertinggi;
 - iv. Memantapkan sistem penilaian pembelajaran dan perkhidmatan sokongan pelajar untuk meningkatkan pencapaian hasil pembelajaran;
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha memastikan pensyarah di IPT berkualiti dan mempunyai kelayakan yang sewajarnya. Pensyarah IPT digalakkan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kementerian telah melaksanakan program penajaan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) untuk pensyarah IPTA, serta Skim Latihan Persekutuan untuk pensyarah politeknik dan kolej komuniti.

Sungguhpun demikian, pakar-pakar luar negara juga akan diambil untuk menyumbang kepakaran dan berkongsi pengalaman dengan pensyarah dan penyelidik di IPT tempatan. Bagi memastikan pakar-pakar tersebut mencapai tahap optima guna tenaga mereka, IPTA dikehendaki menyediakan dan membuat penilaian terhadap tenaga pakar yang dilantik berdasarkan:

- i. bidang tugas dan tanggungjawab jelas; -
- ii. menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI);
- iii. mewujudkan mekanisme penilaian prestasi; dan
- iv. menetapkan syarat pemindahan ilmu atau teknologi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

No: 22

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DR. TAN SENG GIAW**
(KEPONG)
TARIKH : **02.03.2009 (ISNIN)**
SOALAN : **22**

DR. TAN SENG GIAW (Kepong) minta **Menteri PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah inflasi dan cara-cara untuk menangani harga barangan termasuk diesel, gas dan petrol. Apakah yang dianggapkan paling penting untuk maksud ini dan kerjasama semua pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapatkan bekalan barang keperluan dengan harga yang berpatutan, bukan sahaja di bandar, malah juga di luar bandar. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini telah melaksanakan beberapa langkah iaitu dengan pelaksanaan sistem subsidi sebagai contoh pemberian subsidi bagi sektor pengangkutan agar kos pengangkutan dapat dikawal dan penurunan harga petrol dan diesel secara berperingkat serta pemberian subsidi kepada barang-barang perlu.

Kempen Penurunan Harga telah dimulakan pada 24 Oktober 2008 dimulai di peringkat runcit terutamanya bagi sektor peruncitan moden seperti pasaraya besar asing dan tempatan contohnya Giant, Tesco, Mydin, Carrefour, Jusco dan The Store, kedai runcit yang mempunyai jaringan seperti UO Superstore, Sunshine, Econsave, 99 Speedmart dan sebagainya.

Kementerian turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga yang bertujuan memastikan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan sejajar dengan pengumuman Kerajaan berkenaan penurunan harga bahan api.

Langkah selanjutnya pula adalah dengan melaksanakan projek perintis pengedaran barang-barang perlu bersubsidi di kawasan luar bandar yang bertujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti beras tempatan 15 peratus hancur ST15, tepung gandum kegunaan am (GP), minyak masak pek 1kg, roti putih, gula dan LPG sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan. Di samping mengenalpasti sistem pengedaran yang cekap, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutama di kawasan luar bandar, projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambahbaik sistem pengedaran sedia ada, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan di samping untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak.

Projek perintis tersebut telah berjaya dilaksanakan di Pulau Pinang (Seberang Perai Utara), Pahang (Pekan), Sarawak (Saratok) serta Sabah (Sipitang dan Pensiangan) dan pada tahun 2009 projek perintis ini akan dilanjutkan ke negeri-negeri lain seperti Kelantan (Jeli), Kedah (Baling), Johor (Pontian) dan Terengganu (Hulu Terengganu).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]
TARIKH : 2 MAC 2009 (Isnin)
SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah perbelanjaan Kerajaan dalam kempen Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu pada 17/1/2009 termasuk semua peruntukan yang telah di umum serta diluluskan.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 28 November 2008 hingga 17 Januari 2009, sebanyak 511 projek bernilai RM18,935,000 telah diluluskan untuk kawasan Parlimen Kuala Terengganu. Dari jumlah ini sebanyak 139 projek bernilai RM5,230,000 bagi Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan 372 projek bernilai RM13,705,000 bagi Projek Infrastruktur Asas (PIAS). Pembiayaan bagi projek-projek ini adalah dari peruntukan semasa yang sedia ada yang telah diluluskan mengikut perancangan awal.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
(LANGKAWI)

TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN: 25

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib (Langkawi) minta MENTERI BELIA
DAN SUKAN menyatakan :-

- (a) Kenapakah siri Jelajah Le Tour De Langkawi (LTdL) tidak lagi menggunakan laluan di Langkawi dan hanya membabitkan beberapa negeri sahaja; dan
- (b) adakah LTdL telah hilang penyerlahannya kepada pucuk pimpinan Negara tidak berminat.

JAWAPAN

(A)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejohanan berbasikal Le Tour de Langkawi selepas berlangsung selama 14 tahun sehingga 2009 tetap mengekalkan nama LTdL atas faktor penjenamaan dan seluruh dunia telah sinonim dengan nama LTdL.
2. Kejohanan Le Tour De Langkawi ke-14 kali telah dilangsungkan pada 9 hingga 15 Februari 2009 dengan melibatkan sebanyak 7

peringkat laluan meliputi Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Wilayah Persekutuan. Pemilihan laluan bagi penganjuran pada kali ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut, antaranya:

- a. Jumlah peringkat perlumbaan dipendekkan daripada 10 peringkat kepada hanya 7 peringkat sahaja. Perubahan ini menyebabkan penganjur terpaksa membuat penggiliran laluan supaya tujuan promosi dapat dinikmati oleh semua negeri;
- b. Kemampuan kewangan penganjur yang terhad memandangkan kesukaran untuk mendapatkan penajaan dan kos penganjuran yang semakin meningkat setiap tahun;
- c. Permintaan daripada pasukan-pasukan yang bertanding supaya jarak perpindahan daripada garisan Mula / Tamat dengan Hotel Penginapan atau 'TRANSFER' yang lebih pendek atau dekat;
- d. Tawaran oleh negeri-negeri berkenaan yang dikemukakan untuk dijadikan laluan kayuhan; dan
- e. Memberi peluang kepada negeri-negeri lain untuk mempromosikan produk pelancongan, contohnya Melaka yang mendapat pengiktirafan status Bandaraya Warisan oleh UNESCO.

(B)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian, Belia dan Sukan sentiasa komited dan memberi sokongan penuh ke atas penganjuran Kejohanan Berbasikal Le Tour de Langkawi. Sokongan ini telah dizahirkan melalui penyaluran bantuan kewangan sebanyak RM7.5 juta. Ini kerana objektif utama penganjuran LTdL adalah untuk mempromosikan sektor pelancongan negara.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 02.03.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan:-

- (a) apakah Kementerian sedar banyak jalan kampung dalam kawasan Parlimen Pasir Mas rosak dan perlu di baiki; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan dalam RMK -9 bagi tahun 2009 berapakah jumlah yang dicadangkan akan dibelanjakan dan telah mengenal pasti jalan-jalan yang rosak serta yang perlu diturap tar atau batu.

JAWAPAN:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menerima banyak permohonan untuk dinaiktaraf dan diselenggara jalan kampung termasuk di kawasan Parlimen Pasir Mas.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, bagi Parlimen Pasir Mas, Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM1.1 juta untuk pelaksanaan jalan kampung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jalan-jalan di kawasan Parlimen Pasir Mas yang perlu dinaiktaraf dan diselenggara pada tahun ini telah dikenal pasti

mengikuti keutamakan berdasarkan tahap kerusakan jalan-jalan tersebut.

SOALAN NO:.....^{27.}.....

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH (LENGGONG)
TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN: NO. 2

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan:

- a) Apakah Kementerian merancang membentuk Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia Malaysia bagi memastikan supaya tiada pertindihan dalam melaksanakan program pembangunan belia dalam negara ini; dan
- b) Sejauh mana Program Rakan Muda tercapai matlamatnya terutamanya dalam membendung masalah sosial di kalangan remaja.

JAWAPAN

(A)

Pada masa ini KBS belum bercadang untuk mewujudkan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia Malaysia kerana sudah terdapat dua Majlis khusus yang telah diwujudkan oleh kerajaan bagi menyelaraskan aktiviti pembangunan belia dan sosial. Dua Majlis tersebut ialah Majlis Sosial Negara dan Majlis Perundingan Belia Negara.

I. MAJLIS SOSIAL NEGARA (MSN)

MSN adalah satu majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan dan dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri dan turut dianggotai oleh Menteri-Menteri Kabinet . MSN berfungsi untuk penyelarasan pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara dan menyelaraskan fungsi semua kementerian dalam pembangunan sosial yang termasuklah pembangunan belia.

Secara khusus bagi menyelaraskan agenda pembangunan belia, MSN telah mewujudkan Panel Penyelaras Isu Belia dan panel ini telah dipengerusikan oleh KBS dan dianggotai oleh 13 agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan pembangunan belia dan panel ini turut dianggotai oleh Majlis Belia Malaysia (MBM).

Semua keputusan dan tindakan Panel penyelaras ini akan dilaporkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sosial Negara (JPSN) yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dan seterusnya kepada Mesyuarat Majlis

Sosial Negara (MSN) yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri.

II. MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA (MPBN)

Selain mewujudkan MSN, kerajaan turut mengadakan MPBN. MPBN telah diwujudkan menerusi peruntukan Bahagian V, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Fungsi majlis ini adalah sebagai badan perundingan dalam hal yang berhubungan dengan pembangunan belia.

Majlis yang ditubuhkan ini dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan dan dianggotai oleh wakil-wakil kerajaan negeri, semua anggota dewan tertinggi serta jawatankuasa kerja pertubuhan belia peringkat kebangsaan, wakil agensi kerajaan (yang terlibat dalam pembangunan belia) dan dua puluh (20) orang yang pada pendapat menteri boleh menyumbang secara berkesan kepada pembangunan belia (dilantik oleh Menteri).

MPBN mengadakan persidangan sekurang-kurangnya dua kali setahun dan semua hasil persidangan akan dimaklumkan kepada Kabinet untuk diambil tindakan susulan.

KESIMPULAN

Sehubungan dengan itu, KBS melihat bahawa cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia pada masa kini adalah tidak mendesak tetapi sebaliknya isu atau perkara-perkara yang melibatkan pembangunan belia boleh disalurkan untuk pengetahuan kerajaan atau kabinet melalui MPBN dan MSN ini walau bagaimanapun jika terdapat keperluan-keperluan bagi mewujudkan jawatankuasa ini KBS akan mengambil tindakan mencadangkan penubuhannya kepada kerajaan.

(B)

1. Berdasarkan pelan pelaksanaan Rakan Muda Fasa II , pengisian program lebih menumpukan kepada program pembangunan sosial dengan tumpuan untuk melahirkan generasi pewaris dan modal insan yang sempurna, bertanggungjawab, aktif, berkeyakinan dan berupaya mengawal diri serta menghapuskan amalan-amalan negatif seperti lepak, rempit, dadah dan sebagainya. Objektif dan matlamat asal wujudnya Program Rakan Muda masih berada dilandasan yang sama dengan pengisian program yang lebih menyeluruh dan fokus kepada keperluan semasa anak-anak muda masa kini.
2. Program Rakan Muda memberi peluang kepada remaja-remaja meningkatkan modal sendiri mereka dengan penglibatan melalui aktiviti dalam program- program yang memenuhi cita rasa golongan muda. Pendekatan program keagamaan seperti Program

Rakan Muda Ramadan sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada golongan remaja untuk mendekatkan diri dengan masjid bagi mereka yang beragama Islam. Program Sukarelawan Rakan Muda contohnya berperanan dalam memberi peluang kepada belia remaja untuk mempraktikkan semangat kesukarelaan dan menerapkan nilai-nilai murni kepada golongan yang memerlukan tanpa mengira masa tempat dan imbuhan. Program-program kesukarelaan ini adalah bertepatan bagi melahirkan rasa memberi lebih dari menerima dan saling perlu-memerlukan dikalangan belia remaja. Melalui Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda pengiktirafan diberikan kepada belia remaja berusia 14 hingga 25 tahun disamping memberi peluang kepada remaja untuk menonjolkan komitmen diri mereka secara terancang dengan pengisian masa lapang yang seimbang.

3. Melalui Program Rakan Muda juga, bakat kepimpinan golongan muda akan lebih terserlah kerana melalui pelaksanaan aktiviti Program Rakan Muda, anak-anak muda yang menguruskan program Rakan Muda melalui platform Kelab Rakan Muda di kawasan Parlimen dan kawasan Kg. Baru Cina, Estet, perkampungan orang asli dan etnik sehingga ke peringkat akar umbi akan dapat berpeluang mengasah bakat kepimpinan belia remaja secara terancang dengan lebih meluas lagi.
4. Kementerian ini melalui Bahagian Pembangunan Rakan Muda amat memberi perhatian kepada objektif pelaksanaan Program Rakan Muda yang memberi penekanan kepada aspek pembangunan fizikal, mental, spiritual dan sosial kearah

pembentukan nilai-nilai positif remaja. Justeru itu, Kementerian melihat bahawa Program Rakan Muda masih relevan sebagai satu mekanisme berkesan dalam membantu menangani masalah sosial remaja masa kini.

NO = 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.28

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan Universiti Sains Malaysia telah diiktiraf sebagai universiti APEX. Apakah strategi Kerajaan untuk meningkatkan bilangan universiti APEX, terutamanya kepada universiti swasta yang menunjukkan kualiti yang cemerlang dalam pelbagai aspek.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini hanya satu universiti sahaja yang telah di beri status universiti Apex iaitu Universiti Sains Malaysia (USM). Walau bagaimanapun status universiti Apex dijangka akan diberi kepada IPT tempatan yang lain berdasarkan kepada perkembangan semasa. Ingin saya tegaskan bahawa perancangan program Apex tidak hanya tertumpu pada satu pendekatan sahaja, malah terdapat tiga trek program Apex iaitu:-

Trek 1 adalah berdasarkan tema transformasi dan berfokus kepada institusi pengajian tinggi sedia ada. Trek ini telah bermula pada Jun 2008 dengan pemilihan USM sebagai Universiti Apex pada 3 September 2008;

Trek 2 memberi fokus kepada institusi, program dan pusat kecemerlangan dalam universiti bukan Apex.

Trek 3 berdasarkan tema “pengembangan” (*development*) dan memberi fokus kepada institusi yang masih baru (*greenfield*) atau *emerging (brownfield)* dengan izin.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
TARIKH : 2 MAC 2009

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan usahawan Bumiputera yang menceburi bidang industri kecil dan sederhana dan apakah ukuran kejayaan mereka dari pandangan Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan mendapati bahawa **99.2% atau 518,998 pertubuhan perniagaan adalah perusahaan kecil dan sederhana (PKS)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **193,355 pertubuhan perniagaan atau 37.3% dimiliki oleh Bumiputera**. Berdasarkan bancian ini juga, Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan sebanyak **249,959 pertubuhan dimiliki oleh Bumiputera pada tahun 2008**. Sementara itu sehingga tahun 2008, MECD telah berjaya melahirkan **100,006 usahawan atau PKS baru meliputi 66.7%** daripada sasaran 150,000 usahawan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9)

Disedekahkan oleh : KPSU (RN)1 / PSU (RN) 2 *Baharudin* 12/2
Sabarudin B. Salleh / Mohd Shukur B. Khalid
03-8880 5192 / 03-8880 5187
019-288 3890 / 019-2755801

Disemak Oleh : PENGARAH (RN) *[Signature]* 12/2/09
Hj. Zakaria Bin Jaafar
03-8880 5220
016-383 6495

Dipersetujui Oleh: TKSU (U)

Diluluskan Oleh : KSU *[Signature]* 12/2

Sungguhpun dilihat Bumiputera telah berjaya mencapai sasaran 30% dari segi bilangan PKS, didapati penguasaan Bumiputera dalam rantaian nilai sesuatu perniagaan masih lagi lemah. Pewujudan Bumiputera sebagai usahawan menengah atau sederhana masih lagi rendah. Bumiputera hanya banyak terlibat dalam perusahaan mikro di mana jumlah jualan tahunannya kurang daripada RM200,000 bagi sektor pertanian dan perkhidmatan manakala bagi sektor perkilangan kurang daripada RM250,000.

Dalam mengukur kejayaan usahawan Bumiputera, dua (2) aspek utama iaitu kuantitatif dan kualitatif digunapakai oleh Kementerian. Aspek kuantitatif melibatkan pengukuran dari segi jumlah jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa. Aspek kualitatif pula melihat kemampuan usahawan untuk berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya maju dalam sesuatu perniagaan.

Daya saing melibatkan kemampuan usahawan untuk bersaing dengan usahawan-usahawan lain terutamanya usahawan bukan Bumiputera dalam menguasai sesuatu pasaran. Daya tahan pula melibatkan kemampuan usahawan untuk kekal dalam sesuatu perniagaan walaupun menghadapi pelbagai cabaran luaran dan dalaman seperti krisis ekonomi, bencana alam dan liberalisasi. Dalam perkara ini, Kementerian mendefinisikan usahawan yang mampu bertahan selama lebih daripada 5 tahun sebagai usahawan yang mempunyai daya saing dan daya tahan yang tinggi. Sementara itu, daya maju melibatkan kemampuan usahawan untuk memperkembangkan perniagaannya bukan sahaja mampu menguasai pasaran sedia ada bahkan mampu menerokai pasaran antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
TARIKH : 2 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan atau projek besar yang sudah dilaksanakan semenjak Koridor Timur (ECER) ditubuhkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi kemajuan projek di ECER, setakat ini, sebanyak 48 projek (atau 45%) telah dimulakan daripada 107 program dan projek ECER yang diperakukan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9. Kebanyakannya melibatkan perincian pelan pelaksanaan serta kerja-kerja awalan seperti kajian, reka bentuk terperinci, penilaian impak alam sekitar (EIA), kajian tanah dan penyediaan tapak. Bagi tujuan ini, peruntukan berjumlah RM30 juta telah disalurkan kepada pihak berkuasa koridor bagi ECER iaitu Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Baki projek-projek lain akan dimulakan pada tahun 2009 (51 projek) dan tahun 2010 (8 projek).

Antara projek-projek yang berimpak tinggi di ECER yang telah dimulakan perancangan dan pelaksanaannya adalah:

- i. **Projek Agropolitan di Kelantan Selatan** - Projek ini bakal membantu Kerajaan untuk membasmi kemiskinan menjelang 2010, terutamanya di ECER. Seramai 3,000 peserta akan menikmati manfaat projek ini yang bermula dengan penempatan 1,000 peserta pertama bagi Fasa 1A di Rantau Manis, Gua Musang pada 2009. Para peserta dijangka berupaya meningkatkan pendapatan melebihi RM1,000 sebulan hasil dari pelbagai program yang dirangka seperti perladangan dan aktiviti-aktiviti sekunder;
- ii. **Projek Pembesaran Pelabuhan Kuantan** - Projek ini adalah salah satu komponen projek Bandar Pelabuhan Kuantan yang giat dilaksanakan. Satu pelan pelaksanaan terperinci sedang disiapkan dan ianya bakal menjadikan Pelabuhan Kuantan kompetitif seperti pelabuhan-pelabuhan lain di rantau ini. Kebanyakan hasil eksport ECER akan melalui Pelabuhan Kuantan. Penyediaan infrastruktur berkaitan seperti bekalan air dan penaiktararan jalinan jalan akan dilaksanakan dan dijangka bermula pada pertengahan 2009;
- iii. **Projek Bandar Pelabuhan Kuantan** – Projek ini, merangkumi pelbagai komponen dan disokong oleh projek Pembesaran Pelabuhan Kuantan, sedang menjalani perincian pelan pelaksanaan. Ianya bakal menempatkan pelbagai industri dan aktiviti komersial utama seperti *Palm Oil Industry Cluster* dan perkhidmatan logistik. Ianya juga bakal meningkatkan industri sedia ada seperti petrokimia

dengan adanya fasiliti-fasiliti sokongan termasuklah pelabuhan yang efisien.

- iv. **Projek Kelompok Industri Plastik Kertih (KPP)** – Projek yang dirasmikan oleh Y.A.B PM pada 2 Disember 2008 ini sedang giat dipromosikan bagi menarik lebih ramai pelabur. Setakat ini, Hi-Essence Cable SB telah melabur di dalam KPP manakala, PETRONAS Polymer Technology Center telah pun memberikan komitmen untuk mendirikan pusat penyelidikan. Sebuah syarikat dari Australia, Benflex Sdn Bhd, juga telah menunjukkan minat mendirikan kilang di KPP.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak berkuasa koridor bagi ECER iaitu ECERDC juga telah mengambil langkah memulakan pelaksanaan beberapa program dan projek khususnya dalam menyediakan kemudahan infrastruktur asas yang diperlukan bagi menarik pelaburan yang diperlukan ke ECER. Dari segi pelaburan, setakat ini, nilai pelaburan yang telah diperolehi oleh pihak ECERDC adalah sebanyak RM20.54 bilion, telahpun melebihi sasaran yang ditetapkan dalam tempoh RMKe-9 iaitu sebanyak **RM20 bilion** (daripada keseluruhan RM112 bilion yang diperlukan untuk tempoh pembangunan ECER dari 2007-2020) bagi melaksanakan projek-projek telah dikenal pasti dalam ECER.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL

TARIKH : 2 MAC 2009

YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN] minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan apakah usaha-usaha dalam mempelbagaikan lagi program-program memastikan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan terus maju dan berdaya saing untuk menghasilkan produk-produk tempatan yang dipasarkan di dalam dan luar Negara dari sudut pemberian bantuan dalam aspek pembungkusan dan pemasaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) menyedari bahawa Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai produk-produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang berpotensi seperti kuih-kuih tradisional dan produk berasaskan hasil laut berdasarkan faktor geografinya. Produk-produk yang dihasilkan ini kebanyakannya dipasarkan di sekitar Labuan dan juga dieksport ke pasaran Brunei.

Dalam usaha meningkatkan kualiti produk usahawan khususnya dari aspek pembungkusan, penjenamaan dan persijilan, Kementerian dengan kerjasama beberapa agensi teknikal seperti SIRIM Berhad, FRIM, MARDI dan JAKIM menerusi Program Groom Big telah memantapkan 813 usahawan yang terlibat di dalam sektor makanan, minuman, percetakan dan reka bentuk, seramik dan kaca serta kosmetik dan herba di seluruh negara. Menerusi program ini,

beberapa pendekatan disediakan seperti Asas Peningkatan Kualiti & Pengeluaran, Persijilan Halal oleh JAKIM/JAIN, Pembungkusan, Persijilan MS ISO 9001:2000, HACCP dan GMP. Sementara bagi usahawan dari Labuan, sebanyak 37 permohonan usahawan sedang diproses oleh Kementerian untuk dipertingkatkan kualiti produk mereka.

Dalam aspek pemasaran, usahawan IKS Labuan diberi galakkan supaya menyertai program-program yang disediakan oleh kerajaan seperti ekspo dan Gerak Usahawan yang diadakan khususnya di sekitar Sabah untuk meluaskan lagi pasaran produk mereka serta melebarkan jaringan perniagaan. Di samping itu, Kementerian juga melalui Pusat Usahawan MARA Sabah sedang mengkaji kemungkinan membangunkan Pusat Pengumpulan Hasil IKS di Labuan supaya dapat dijadikan transit entrepot bagi produk usahawan IKS tempatan dan di negeri Sabah untuk dipasarkan ke luar negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
TARIKH : 2 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian pelaburan dari luar negeri di Iskandar Malaysia dari segi jumlah yang telah pun di janji berbanding dengan jumlah yang telah dilaburkan. Apakah impak kemerosotan ekonomi kepada Iskandar Malaysia pada tahun-tahun yang akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi pelaburan, secara keseluruhannya, sehingga kini, nilai pelaburan luar yang telah diperolehi melalui perjanjian kontrak di Iskandar Malaysia adalah sebanyak RM21.2 bilion atau 51.7% daripada keseluruhan pelaburan yang diperolehi di Iskandar Malaysia iaitu RM41 bilion. Daripada jumlah sebanyak RM21.2 bilion ini, jumlah sebenar yang telah dilaburkan adalah sebanyak RM11 bilion. Ini memandangkan bahawa kebanyakan pelaburan yang dijanjikan masih lagi di peringkat perancangan maka kebanyakan pelaburan masih belum dibelanjakan. Antara sumber pelaburan luar negara utama adalah daripada negara-

negara Asia Barat, Eropah, Amerika Syarikat, China, Jepun, India, Singapura dan Australia. Kebanyakan komitmen pelaburan tertumpu dalam sektor yang melibatkan jumlah pelaburan yang besar termasuk perindustrian, hartanah, industri maritim, Industri besi dan keluli dan petrokimia dan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dapat dinafikan, keadaan kemerosotan ekonomi yang berlaku sekarang, sedikit sebanyak akan memberi kesan terhadap pembangunan ekonomi di mana-mana sahaja termasuk di Iskandar Malaysia. Misalnya seperti pemberhentian pekerja oleh kilang-kilang yang menghadapi kemerosotan perniagaan dan sebagainya. Tetapi Kerajaan akan menangani perkara ini melalui pelbagai langkah yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi memastikan perkara ini dapat diatasi. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, menurut maklumbalas daripada IRDA, semua pelabur yang telah memberi komitmen mereka di Iskandar Malaysia masih menetapkan hasrat pelaburan mereka malah pihak IRDA juga menjangkakan pelaburan akan terus masuk ke Iskandar Malaysia hasil daripada pelaburan yang akan dibuat oleh beberapa pelabur lagi. Pihak IRDA sedang dalam perbincangan lanjut dengan pelabur-pelabur berkenaan bagi memuktamadkan pelaburan tersebut.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]
TARIKH : 2 MAC 2009
SOALAN :

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan laporan kewangan dan simpanan minyak PETRONAS lebih telus.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Sepertimana syarikat-syarikat lain, PETRONAS menyediakan laporan kewangan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta mematuhi peruntukan perakaunan yang diperakui. Laporan kewangan PETRONAS yang juga mengandungi kedudukan simpanan minyak dan gas negara, diaudit oleh dua juruaudit bertauliah antarabangsa iaitu KPMG dan Ernst & Young dan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang turut dianggotai oleh pegawai-pegawai tinggi Kerajaan.

PETRONAS turut menerbitkan Laporan Tahunan lengkap dengan laporan kewangan dan operasi pada setiap tahun. Laporan Tahunan ini

turut dimuatkan dalam laman web PETRONAS dan boleh dimuat-turun oleh pihak-pihak yang berminat.

Akaun PETRONAS juga diteliti oleh agensi-agensi penarafan (*rating agencies*) antarabangsa terkemuka seperti Standard & Poor dan Moody's dan agensi –agensi ini telah memberikan penarafan yang sama atau lebih baik daripada syarikat-syarikat minyak dan gas antarabangsa terkemuka.

Tuan Yang di Pertua,

Walaupun Kerajaan tidak bercadang untuk membentangkan akaun kewangan PETRONAS di Parlimen, namun Kerajaan sentiasa berusaha menjelaskan pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung kedudukan kewangan, aktiviti-aktiviti yang diceburi serta lain-lain isu berkaitan PETRONAS dalam Dewan yang mulia ini. Kerajaan tidak pernah mengeneipkan pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai PETRONAS. Oleh itu, tidak timbul soal ketelusan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2.03.2009

SOALAN NO :

YB. Tuan Wiliam Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah wang yang telah diberi atau dipinjamkan oleh KWSP kepada Valuecap Sdn Bhd dan menyatakan nilai pasaran saham yang dipegang Valuecap Sdn Bhd pada masa ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2009, Valuecap Sdn. Bhd. telah menerima suntikan dana sebanyak RM2 billion daripada RM5 billion pinjaman dari KWSP. Valuecap seterusnya telah melaburkan nilai tersebut di Bursa Malaysia dalam saham-saham syarikat berasaskan proses penilaian di bawah mandat pelaburan yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah.

3. Berdasarkan kepada maklumat yang belum diaudit, nilai pasaran saham Valuecap pada 31 Disember 2008 adalah sebanyak RM8.021 billion. Pelaburan Valuecap dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia meliputi saham-saham 'blue-chip' dari pelbagai sektor antaranya termasuklah sektor kewangan (seperti Public Bank, Bumiputra Commerce), produk pengguna (seperti British American Tobacco, Nestle), perladangan (seperti IOI Corp), urus niaga/perkhidmatan (Digi, Telekom, MISC).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD
JARJIS

TARIKH: 2 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD JARJIS [Rompin]
minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada pihak Kerajaan telah
membuat unjuran pengangguran negara akibat kesan dari kelembapan ekonomi dunia/
Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan / melancarkan program-program bagi
menolong mereka yang telah/akan hilang pekerjaan dan pengagihan semula dana-dana
Latihan Sumber Manusia bagi memastikan syarikat-syarikat tempatan dapat meneruskan
operasi dan mengelakkan dari pembuangan pekerja.

PR-1221-L17529

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama
pertanyaan daripada YB Parit pada 2 Mac 2009 kerana ia melibatkan isu yang sama iaitu
pemberhentian pekerja.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada senario ekonomi global terutama Amerika Syarikat, Eropah dan
Jepun, unjuran terhadap pengangguran di negara pada tahun 2009 adalah seramai 40,000

hingga 58,000 pekerja. Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama telah dilancarkan oleh Kerajaan dengan Kementerian Sumber Manusia telah diperuntukkan dana sebanyak RM100 juta. Peruntukan ini telah dan akan disalurkan kepada program-program latihan termasuk untuk mereka yang diberhentikan kerja. Pekerja-pekerja yang terlibat dengan pemberhentian kerja perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* untuk mendapatkan peluang pekerjaan baru. Sekiranya tidak berjaya, mereka akan ditawarkan untuk mengikuti latihan dan seterusnya dibuat penempatan. Program ini dikenali sebagai *train & place* (latihan dan penempatan) dan terbuka juga kepada belia dan siswazah menganggur. Mereka yang mengikuti program latihan akan diberi elaun sara diri untuk menampung perbelanjaan minimum.

Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani isu ini dengan pertamanya ialah dengan mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang ahli-ahli dianggotai oleh wakil Kerajaan, majikan dan kesatuan sekerja. Jawatankuasa ini berperanan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terutamanya terhadap pekerja yang diberhentikan tetap, pemberhentian secara sukarela dan pemberhentian sentara (*lay-off*).

Sehubungan dengan itu, sebanyak 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara telah ditubuhkan bagi meningkatkan *accessibility* mekanisme Kerajaan untuk membantu pekerja. Bilik Operasi ini setiap hari melaksanakan tugas-tugas berikut:-

- memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan yang ada di dalam negara;
- membantu pekerja diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru;
- Mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji.
- Membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian dan.

- Memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan;

Tuan Yang Di Pertua,

Selain daripada itu, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengutamakan pekerjaan untuk rakyat tempatan. Pengambilan pekerja asing hanya dibenarkan di sektor tertentu dan jika jawatan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh tenaga kerja tempatan. Oleh itu, sekiranya pemberhentian pekerja terpaksa dilakukan, pekerja asing hendaklah diberhentikan terlebih dahulu sebelum pekerja tempatan diberhentikan (*Foreign Workers First Out*).

Pihak majikan daripada semua sektor, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan perlu menyumbang idea yang bernas untuk mengelakkan pemberhentian dan pengangguran. Perbincangan dan maklum balas yang diterima amat berfaedah dalam membantu menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemberhentian.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

TARIKH : 2 MAC 2009

SOALAN :

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta MENTERI
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :

- (a) sejauh manakah perkembangan penggunaan Sistem e-Tanah di negara kita; dan
- (b) berapakah jumlah kos keseluruhan projek perintis e-Tanah dan sejauh manakah pemantauan dibuat bagi merealisasikannya.

JAWAPAN :

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek perintis e-Tanah di Pulau Pinang telahpun siap dan sedang digunakan terutamanya bagi Modul Pendaftaran dan Modul Hasil yang merupakan 70% dari urusan harian orang ramai. Modul-modul lainnya telah siap dan tertakluk kepada persetujuan Pejabat tanah dan Galian (PTG) Pulau Pinang untuk menggunapakai.

(b) Jumlah kos keseluruhan projek perintis e-Tanah adalah sebanyak RM66.256 juta, termasuk kos penyelenggaraan sebanyak RM9.04 juta untuk tempoh 3 tahun.

Pemantauan pelaksanaan projek ini dibuat secara berterusan melalui beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK), Jawatankuasa Pemandu e-Tanah, Jawatankuasa Penyelarasan e-Tanah, Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Projek e-Tanah di Pulau Pinang dan beberapa siri lawatan ke tapak projek.

· Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN (KENINGAU)**

TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)

**SOALAN : Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan: apakah langkah yang diambil oleh
Kementerian bagi membantu membangunkan industri
halia di Tambunan khususnya dalam penghasilan
produk hiliran yang mempunyai permintaan tinggi
memandangkan daerah Tambunan kini mampu
mengeluarkan sehingga 24 tan metrik halia setahun.**

**JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah melalui Jabatan Pertanian Sabah melaksanakan program pembangunan tanaman di seluruh negeri termasuk daerah Tambunan sebagai langkah membantu membangunkan industri halia di Tambunan. Sepanjang tempoh RMK-9, seluas 61 hektar kawasan disasar untuk dibangunkan di daerah

Tambunan dengan tanaman halia melibatkan 53 petani dengan jumlah peruntukan RM501,500 (RM125,000 biayaan Kerajaan Negeri dan RM376,500 biayaan Kerajaan Persekutuan). Setakat tahun 2008, seluas 37 hektar kawasan dibangun melibatkan 33 petani dengan jumlah peruntukan RM301,500 (biayaan Kerajaan Persekutuan) di daerah tersebut.

Selain daripada pembangunan kawasan, Jabatan Pertanian Sabah turut melaksanakan aktiviti pemprosesan berasaskan halia di Kg. Tombotuon Tambunan melibatkan 5 orang ahli yang mula beroperasi daripada tahun 2003. Projek ini dilaksanakan melalui Program Mempelbagai dan Menambah Pendapatan Petani (2M2P) yang menyalurkan bantuan peralatan bernilai RM50,000 untuk tujuan memproses halia. Sumber bahan mentah didapati daripada petani penanam halia sekitar daerah Tambunan. Antara produk yang dikeluarkan adalah minuman segera halia, asam manis halia, rempah sup halia dan halwa halia serta dipasarkan di seluruh kawasan daerah Tambunan, Keningau, Ranau dan Kota Kinabalu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM**
TARIKH : **2 MAC 2009**

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengenai krisis yang berlaku dalam **ANGKASA** serta adakah cadangan untuk mewujudkan satu skim alternatif seumpama **BPA (Biro Potongan Angkasa)** supaya rakyat tidak dimonopoli oleh satu skim sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Apa yang berlaku di Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (**ANGKASA**) sebenarnya adalah krisis kepimpinan dan masalah dalaman **ANGKASA** yang mempunyai dua kumpulan sama-sama berpengaruh. Krisis bermula apabila Jawatankuasa Tadbirnya (**JKT**) bercadang untuk menyiasat salah laku dua ahli **JKT**. Sebelum siasatan

lengkap dilakukan, ahli JKT yang lain telah memutuskan untuk menyingkirkan Yang diPertua (YDP) ANGKASA.

Selepas Y.Bhg. Prof. Diraja Ungku A. Aziz sebagai YDP ANGKASA di singkirkan, beliau meminta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) campur tangan kerana tindakan berkenaan menyalahi peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) ANGKASA.

Pihak SKM telah membuat pemeriksaan dan siasatan di bawah seksyen 64 dan 66 Akta Koperasi 1993 dari 7hb hingga 18hb April 2008 berhubung perkara tersebut. Hasil pemeriksaan, SKM memutuskan penyingkiran tersebut tidak selaras dengan peruntukan UUK ANGKASA dan kedudukan Y.Bhg. Prof. Ungku A. Aziz sebagai YDP dikembalikan (*reinstate*). ANGKASA telah diminta mengekalkan ahli JKT yang sedia ada pada 25 Januari 2008. Krisis terus berlanjutan di mana sebahak sahaja Y.Bhg. Prof. Ungku A. Aziz kembali ke jawatannya JKT telah mengeneipkan peranan 2 ahlinya.

Bagi memastikan kestabilan dan keharmonian ANGKASA sebagai badan puncak koperasi (*apex body*) untuk memayungi anggotanya, menggunakan kuasa yang ada di bawah subseksyen 69(4) Akta Koperasi 1993 saya telah meneliti rayuan yang dikemukakan oleh 2 ahlinya dan untuk kepentingan anggota dan imej ANGKASA, kedudukan 2 ahli JKT tersebut telah dikembalikan. ANGKASA telah diminta mengadakan Persidangan Kebangsaan Tahunannya dan membuat pemilihan semula.

Persidangan ANGKASA telah diadakan pada 10 Januari 2009 dan krisis ANGKASA telah dianggap selesai. ANGKASA sebagai badan puncak

yang diwujudkan di bawah perenggan 57(2)(b) Akta Koperasi telah disyiharkan sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi Malaysia di peringkat Kebangsaan dan antarabangsa. Dengan pelantikan YDP dan barisan kepimpinan yang baru, ANGKASA dijangka dapat memantapkan peranannya dalam membuat penyeliaan dan membangun program keusahawanan koperasi.

Berkaitan dengan skim potongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) kelulusan oleh Kementerian Kewangan telah diberikan kepada ANGKASA pada tahun 1977. Ianya bertujuan menguruskan pelbagai potongan tidak wajib di dalam sistem gaji jabatan-jabatan Kerajaan seperti bayaran balik pinjaman, yuran ahli, saham, insurans dan bayaran pinjaman kepada koperasi-koperasi yang menyediakan kemudahan pembiayaan kredit. Antara pelanggan utama BPA pada masa ini adalah koperasi-koperasi, Bank Koperasi (Bank Rakyat dan Bank Persatuan), kelab-kelab sukan, persatuan, badan kebajikan, khairat kematian, syarikat-syarikat insurans, Bank Simpanan Nasional, Agro Bank dan syarikat-syarikat swasta yang diberi kebenaran khas oleh Kementerian Kewangan.

Pada masa ini, selain ANGKASA, Kementerian Kewangan telah juga meluluskan tiga (3) organisasi yang berperanan membuat potongan gaji iaitu:-

- (i) COSHARE HOLDINGS BERHAD (COSHARE) sebuah syarikat swasta yang ditubuhkan pada tahun 1997.
- (ii) Koperasi Harapan Berhad (KOHAP) sebuah koperasi yang diberi kelulusan oleh Kementerian Kewangan pada tahun

2001 untuk membuat potongan gaji kakitangan kerajaan yang gajinya dibayar oleh Pejabat Bendahari Negeri Sarawak.

- (iii) Koperasi Guru-guru Penang Berhad sebuah koperasi yang diberikan kelulusan oleh Kementerian Kewangan pada tahun 1982 untuk membuat potongan gaji kakitangan kerajaan yang mempunyai pusat bayaran gaji di Pulau Pinang.

Kementerian amat berpuas hati dengan perkhidmatan BPA oleh ANGGKASA yang mana sehingga ini sedang menguruskan potongan bernilai RM26 juta sehari bersamaan dengan RM6.6 billion setahun. Cadangan sama ada untuk mewujudkan agensi tambahan untuk menguruskan potongan gaji ini adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.03.2009

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) menyatakan tindakan Kerajaan ke atas bank-bank komersial yang enggan untuk memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat yang memerlukan dana dalam keadaan ekonomi yang meleset sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberi perhatian terperinci ke atas prestasi pemberian pinjaman oleh institusi perbankan bagi memastikan sistem perantaraan terus berjalan dengan lancar. Bank Negara Malaysia juga sering mengadakan dialog dengan institusi perbankan untuk memastikan perniagaan yang berdaya maju

mempunyai akses kepada sumber pembiayaan dalam keadaan ekonomi yang sukar ini.

2. Bank Negara Malaysia juga sentiasa memainkan peranan perantara di antara bank dan peminjam-peminjam sekiranya perlu. Sehubungan itu, syarikat-syarikat yang berdaya maju tetapi menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan atau mempunyai aduan tertentu terhadap bank adalah digalakkan untuk mengemukakan aduan mereka melalui saluran-saluran yang telah disediakan seperti berikut:

- i) **ABMConnect** - 1-300-88-9980 ;
- ii) **BNMLINK**, Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur; dan
- iii) **BNMTELELINK**
 - Tel: 1-300-88-5465
 - Fax: 03-2174 1515
 - Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN (PASIR
PUTEH)
TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)
SOALAN : TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:
Adakah Kementerian memberi jaminan bahawa
semua petani yang mengusahakan tanaman padi
memperoleh semua kemudahan yang disediakan
Kerajaan kepada golongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan pelbagai jenis kemudahan kepada petani yang mengusahakan penanaman padi. Kemudahan yang diberikan ini adalah melalui bentuk pemberian subsidi, insentif serta kemudahan khidmat nasihat.

Di antara kemudahan subsidi dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan kepada para petani ialah seperti:

- i) **Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)**
Kadar bantuan yang diberikan ialah 240kg setiap hektar bagi baja sebatian (12 beg@ 20kg/beg) dan 100kg setiap hektar baja urea (5beg@ 20kg/ beg).
- ii) **Skim Subsidi Harga Padi**

Kadar bantuan ialah sebanyak RM248.10 bagi setiap metrik tan padi yang dihasilkan. Pembayaran skim ini diuruskan oleh pihak BERNAS.

iii) **Insentif Pengeluaran Padi**

Di bawah insentif ini, Kerajaan membantu petani dengan memberikan Bantuan Baja Tambahan dan Bantuan Upah Bajak. Bagi Baja Tambahan, kadar yang diberikan ialah sebanyak RM140/ha/musim manakala bagi Bantuan Upah Bajak pula, kadar bantuan yang diberikan oleh Kerajaan ialah sebanyak RM100/ha/musim.

iv) **Insentif Peningkatan Hasil**

Kadar insentif ini ialah sebanyak RM650 bagi setiap metrik tan kenaikan hasil padi sekurang-kurangnya 1% daripada musim asas.

Sebagai tambahan bantuan-bantuan di atas, Kerajaan melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang telah diluluskan pada tahun 2008 telah memberi bantuan tambahan kepada penanam-penanam padi seperti:

i) **Baja Tambahan NPK**

Baja tambahan NPK diberikan kepada petani dengan kadar RM400/ ha (3 beg @ 50kg setiap beg)

ii) **Bantuan Kawalan Makhluk Perosak**

Kadar bantuan yang diberikan ialah RM200/ha/musim

iii) **Kapur**

Kapur dengan kadar RM850/ha diberikan bagi menambah kesuburan tanah

iv) **Mekanisasi Ladang**

Membantu petani memiliki jentera penanaman padi

Bagi memperoleh kemudahan ini, petani perlu terlebih dahulu mendaftar dengan Pertubuhan Peladang Kawasan di kawasan masing-masing. Apabila telah mendaftar, petani-petani yang mengusahakan penanaman padi adalah layak untuk menerima bantuan-bantuan ini.

Jabatan teknikal di bawah Kementerian seperti Jabatan Pertanian, MARDI dan Agensi terlibat seperti MADA, KADA, dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) turut bekerjasama memberi kemudahan kepada penanam padi seperti kemudahan khidmat nasihat, kursus dan sebagainya.

Kerajaan memberi jaminan bahawa semua petani yang mengusahakan penanaman padi yang telah berdaftar akan menerima kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Ini bagi membantu petani mengurangkan kos pengeluaran padi meningkatkan pendapatan petani.

NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP
BIN BUMBURING @ WILFRED
[TUARAN]

TARIKH JAWAPAN : 2 MAC 2009 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 41

SOALAN

Datuk Seri Panglima Mojilip Bin Bumburing @ Wilfred minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan tahap bekalan elektrik di kawasan Tuaran, Sabah dan bilakah sasaran Kementerian untuk membekal kawasan itu sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa prihatin dan peka akan keadaan bekalan elektrik yang kurang memuaskan terutamanya di Negeri Sabah. Bagi usaha menambah baik pembekalan elektrik di kawasan luar bandar, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi merancang dan memantau projek-projek pembekalan elektrik di kawasan luar bandar dalam usaha penambahbaikan situasi pembekalan elektrik di kawasan tersebut.

Sehingga Januari 2009, terdapat seramai 18,657 pengguna berdaftar yang mendapat bekalan elektrik di daerah Tuaran iaitu 93% daripada bilangan rumah yang dikenal pasti di daerah ini berbanding 74% bagi seluruh negeri Sabah. Angka tersebut boleh dikatakan agak tinggi berbanding daerah-daerah lain di negeri ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,331 buah rumah telah dikenal pasti masih belum mendapat bekalan elektrik. Sebanyak 961 buah yang terletak di dalam lingkungan 30km dari pekan Tuaran telah dikemukakan untuk pelaksanaan dalam tahun 2009 - 2010. Anggaran sebanyak RM12.7 juta diperlukan untuk menjayakan rancangan tersebut di mana pelaksanaan adalah berdasarkan peruntukan dan kelulusan oleh Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) mensasarkan liputan di kawasan tersebut mencapai 90% pada akhir tahun 2010 dan 100% menjelang tahun 2016.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]
TARIKH : 2 MAC 2009
SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah piawaian yang digunakan untuk memantau cara pembelajaran dan latihan bagi jururawat pelatih di semua pusat rawatan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Piawaian yang digunakan untuk memantau cara pembelajaran dan latihan bagi jururawat pelatih adalah berdasarkan Program Kepastian Kualiti atau *Quality Assurance Program* (QAP). Indikator-indikator yang ditetapkan dalam Program Kepastian Kualiti adalah seperti berikut:

Bil.	Indikator	Piawaian
1.	Peratusan Lulus Peperiksaan	Mencapai 85% ke atas
2.	Tempoh Pertemuan Pengajar - Pelatih	20 jam seminggu
3.	Nisbah Pengajar - Pelatih	1 : 20
4.	Peratusan Penyempurnaan Pelan Mengajar	100%
5.	Peratusan Lulus Peperiksaan Praktikal	Mencapai 85% ke atas

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]**

TARIKH : ISNIN, 2 MAC 2009

RUJUKAN : 05

SOALAN :

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan memandangkan Wilayah Persekutuan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan, adakah pihak Kementerian telah menggubal dan mewartakan apa-apa akta bagi mengawal pembangunan di lereng-lereng bukit dan tanah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padang Besar, Kementerian Wilayah Persekutuan tidak pernah mewartakan apa-apa akta bagi mengawal pembangunan di lereng-lereng bukit dan tanah tinggi.

Dari segi kawalan pembangunan di kawasan lereng bukit, Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa mematuhi **Garis Panduan Penyelarasan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Wilayah Persekutuan 2007** selaras dengan arahan Menteri Wilayah Persekutuan. Berdasarkan garis panduan ini, semua pembangunan yang terletak di kawasan cerun Kelas III mengikut klasifikasi Jabatan Mineral dan Geosains perlu dirujuk untuk pertimbangan dan perakuan sebuah jawatankuasa yang diwujudkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang dikenali **Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JPPKSAS) Wilayah Persekutuan**. Jawatankuasa yang

dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian ini dianggotai oleh pelbagai jabatan dan agensi teknikal termasuk Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Kerja Raya, Kumpulan IKRAM, Jabatan Pengairan dan Saliran (WPKL) serta Pusat Penyelidikan Tanah Runtuh (NASEC).

Secara amnya garis panduan yang digunapakai dalam mempertimbangkan permohonan pembangunan di kawasan lerang bukit adalah berpandukan Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi 2002 yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN
MAT ISA
(BACHOK)**

**TARIKH : 2 MAC 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejak TLDM memperoleh peralatan-peralatan canggih termasuk missile, berapa kerapkah penembakan missile ini mendapat bantuan teknikal daripada pakar luar negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mempunyai kepakaran dan kemahiran untuk mengendalikan semua jenis missile dalam inventori TLDM. Oleh yang demikian TLDM tidak pernah mendapatkan bantuan teknikal daripada pakar luar negara untuk menembakan missile kecuali jika ada perolehan baru (*Contractual Firing*) dibuat maka penembakan akan dilakukan bersama *Original Equipment Manufacturer (OEM)*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
[TENGGARA]
TARIKH : 2 MAC 2009
SOALAN :

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Menteri telah mengumumkan masa menunggu untuk rawatan pesakit luar akan dikurangkan dari 45 minit kepada 30 minit untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat:-

- (a) mengapakah masih kedengaran rungutan rakyat; dan
- (b) mengapakah kaunter khas untuk warga emas dan OKU masih tidak disediakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang optimum, dimampui dan secara saksama demi kesejahteraan hidup rakyat.

- a) Pemantauan waktu menunggu untuk rawatan pesakit luar telah dilaksanakan sejak Mei 2008 dimana Kementerian Kesihatan telah menetapkan 30 minit sebagai waktu menunggu yang sepatutnya dicapai untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan. Setakat ini, daripada sebanyak 929 fasiliti kesihatan yang tersenarai di dalam sistem pemantauan waktu menunggu (eMASA), sebanyak 840 atau 90.4 peratus fasiliti telah melaksanakan sistem pemantauan ini. Setelah sembilan bulan pelaksanaan pemantauan ini, terdapat peningkatan kepada peratus pelanggan yang mencapai waktu menunggu kurang dari 30 minit iaitu dari 40 peratus kepada 70 peratus.

Pada masa yang sama, banyak penambahbaikan yang telah dan akan terus diambil oleh klinik kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah dan juga Jabatan Kesihatan setiap negeri dalam memastikan pencapaian sasaran ini antara lain, penyusunan semula penempatan anggota di klinik-klinik kesihatan terutamanya yang mempunyai beban kedatangan yang tinggi, pelaksanaan perkhidmatan selepas waktu pejabat dimana

jumlah pelanggan yang tinggi pada waktu puncak boleh diagihkan kepada waktu perkhidmatan selepas waktu pejabat, penambahbaikan kepada proses kerja dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, kekangan dari segi jumlah anggota yang memang telah sedia dihadapi oleh Kementerian sejak sekian lama berbanding dengan jumlah pelanggan yang mendapatkan rawatan di klinik kesihatan yang semakin meningkat terutamanya di klinik kesihatan yang besar, mempunyai beban kedatangan yang tinggi dan terletak di dalam kawasan bandar, menyebabkan masih terdapat lagi pelanggan yang terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Telah menjadi dasar Kementerian Kesihatan, keutamaan pendaftaran diberi kepada kanak-kanak di bawah satu tahun, ibu mengandung, orang kurang upaya, warga emas dan penderma darah di semua fasiliti Kerajaan. Penyediaan kaunter asing bergantung kepada kemampuan fizikal sesebuah fasiliti sama ada berkongsi kaunter ataupun kaunter berasingan. Fasiliti kesihatan juga menyediakan persekitaran (*OKU-friendly*) seperti kerusi roda dan *ramp*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang
[Marang]

TARIKH : 2 Mac 2009

SOALAN : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik bilangan hotel yang mempunyai sijil halal dan yang sedang berusaha untuk mendapatkannya. Apakah langkah-langkah Kerajaan yang serius untuk memperkembangkan taraf halal kepada hotel-hotel sedangkan tempat ini menjadi tumpuan orang-orang Islam baik dari sektor Kerajaan, swasta dan individu.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

1. Setakat ini, sejumlah 55 buah hotel / resort telah memohon sijil/logo halal dari HDC. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 21 buah hotel/resort telah mendapat pengiktirafan SIJIL atau "LOGO HALAL" HDC. Manakala, permohonan bagi sejumlah 27 buah hotel / resort sedang diproses untuk kelulusan dan baki 7 buah hotel/resort yang lain telah tamat tempoh dan dalam proses pembaharuan sijil. Sejumlah 93 buah hotel/resort telah menunjukkan minat dan sedang melengkapkan borang permohonan. Walau bagaimana pun, bilangan hotel / resort ini tidak termasuk bilangan hotel / resort yang telah mendapat logo / sijil halal dari Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri.

NO SOALAN: 46

2. Antara langkah-langkah Kerajaan yang serius untuk memperkembangkan taraf halal kepada hotel-hotel termasuklah :-

- 2.1. Menganjurkan bengkel khusus kepada hotel yang berminat untuk mendapatkan sijil/logo halal. Bengkel ini diadakan dengan kos yang ditanggung oleh pihak hotel manakala penceramahnya dijemput daripada HDC, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Melalui kursus ini para peserta diberi tunjuk ajar untuk mengisi borang permohonan secara 'on-line', menyediakan dokumen sokongan, memahami keperluan kebersihan yang dikehendaki menurut standard piawaian yang sedia ada, mengenalpasti sumber bahan ramuan yang tidak halal serta keperluan lain yang terkandung dalam MS 1500 : 2004 yang menjadi garispanduan bagi mendapatkan sijil/logo halal.
- 2.2. Mengadakan siri taklimat dan ceramah bagi mendidik masyarakat supaya memilih hotel yang mempunyai sijil/logo halal bagi memenuhi keperluan mereka seperti untuk mengadakan seminar, majlis berbuka puasa, kenduri kahwin dan sebagainya.
- 2.3. Mengeluarkan siaran akhbar menyeru masyarakat umum supaya memilih hotel yang mempunyai sijil/logo halal untuk apa-apa aktiviti harian mereka.
- 2.4. Menggalakkan Jabatan-Jabatan kerajaan mengadakan aktiviti di hotel yang mempunyai sijil/logo halal.

- 2.5. Mengadakan pameran bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna dan pengusaha agar mengutamakan hotel halal dalam setiap aktiviti dan program mereka.
- 2.6. Membangunkan portal halal bagi memberi maklumat kepada pengguna yang ingin mendapatkan maklumat mengenai hotel halal.
- 2.7. Melalui media elektronik diadakan beberapa siri dokumentari "Halal Sentiasa" melalui saluran TV 2.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)
TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)
SOALAN :

DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU) MINTA
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN :-

(a) ADAKAH KEMENTERIAN MEMBUAT KAJIAN
MENGENAI SISTEM PENYELENGGARAAN JALAN
RAYA DI SELURUH NEGERI TERMASUK DI
KAWASAN BINTULU TERUTAMA SEKALI JALAN
BINTULU – SIBU DAN BINTULU COASTAL ROAD

ATAS KELEMAHAN DALAM PEMERINTAHAN DALAM
PENYELENGGARAAN SYARIKAT YANG TIDAK
TAHAN UNTUK TEMPOH KURANG DARIPADA 6
BULAN SAHAJA ; DAN

- (b) SIAPAKAH YANG PATUT DIPERSALAHKAN DALAM
MASALAH INI, KONTRAKTOR ATAU PIHAK
SYARIKAT YANG DILANTIK OLEH PIHAK KERAJAAN.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,

JALAN SIBU – BINTULU ADALAH MERUPAKAN JALAN PERSEKUTUAN YANG DISENGGARA DAN DIURUS OLEH KEMENTERIAN KERJA RAYA. WALAU BAGAIMANAPUN, BINTULU COASTAL ROAD MERUPAKAN JALAN NEGERI YANG DISENGGARA DAN DI URUSKAN OLEH PIHAK KERAJAAN NEGERI SARAWAK.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT JUGA, PIHAK KEMENTERIAN SENTIASA MEMASTIKAN TAHAP KUALITI PENYENGGARAAN DI SEMUA JALAN PERSEKUTUAN SELURUH MALAYSIA DISENGGARA MENGIKUT SPESIFIKASI YANG TELAH DITETAPKAN DI DALAM SYARAT PERJANJIAN DILAKSANAKAN OLEH SYARIKAT KONSESI. SEKIRANYA KERJA-KERJA YANG

DIBUAT OLEH PIHAK SYARIKAT KONSESI TIDAK MEMUASKAN, PIHAK KONSESI PERLU MEMBAIKI SEMULA TANPA SEBARANG BAYARAN TAMBAHAN. KERJA-KERJA YANG DIBUAT OLEH PIHAK KONSESI AKAN DISEMAK DAN DISAHKAN TERLEBIH DAHULU OLEH PEGAWAI JKR DITAPAK (WAKIL KEMENTERIAN) SEBELUM DIBUAT BAYARAN .

WALAU BAGAIMANAPUN DISEBABKAN OLEH KEADAAN FIZIKAL SEMASA JALAN YANG TELAH MELEPASI HAD PENYENGGARAAN (*BEYOND MAINTENANCE LIMIT*) DAN JUGA PERTAMBAHAN TRAFIK DAN TRAFIK LEBIH MUATAN YANG MENGGUNAKAN JALAN INI, MAKA PENYENGGARAAN JALAN YANG DILAKSANAKAN TIDAK MAMPU BERTAHAN LAMA, YANG MANA KERJA-KERJA INI TIDAK BOLEH DILAKSANAKAN DI BAWAH KONTRAK PENYENGGARAAN SEMASA.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT JUGA, PIHAK KEMENTERIAN TELAH MELULUSKAN

**PERUNTUKAN AWAL UNTUK KERJA-KERJA
PENYENGGARAAN BERKALA TURAPAN DI BAWAH
BELANJA MENGURUS SEBANYAK RM8 JUTA BAGI
MEMPERBAIKI KEROSAKAN-KEROSAKAN DI LOKASI-
LOKASI YANG TELAH DIKENALPASTI DI SEPANJANG
LALUAN INI.**

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN 48

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**
TARIKH : **2 MAC 2009**
SOALAN : **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke luar negara untuk bekerja, bermastautin dan belajar dengan menyatakan negara dituju dan apakah pulangan kepada negara dari segi hasil yang berjaya dikutip.**

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Bukit Bintang ke atas soalan yang dikemukakan.

2. Sehingga 31 Januari 2009, jumlah rakyat Malaysia yang berhijrah ke luar negara bagi tujuan bekerja, belajar dan bermastautin yang telah berdaftar dan dapat dikesan oleh Perwakilan Malaysia di seberang laut adalah seramai 472,543 orang. Bilangan tersebut adalah mengikut pecahan bagi maksud di atas seperti berikut:

- Bekerja - 286,044 orang
- Bermastautin - 135,593 orang
- Belajar - 50,906 orang

3. Walau bagaimanapun, pihak Perwakilan Malaysia di seberang laut menganggarkan sebanyak 30% rakyat Malaysia yang berada di luar negara di atas ketiga-tiga maksud di atas tidak berdaftar dan tidak dapat dikesan maka jumlah keseluruhan rakyat Malaysia adalah dianggarkan seramai 620,000.

4. Menyentuh kepada pulangan kepada negara dari segi hasil yang berjaya dikutip, saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa oleh sebab tiada peraturan yang mewajibkan supaya rakyat Malaysia yang bekerja dan berniaga di luar negara untuk melaporkan jumlah kiriman wang mereka kepada Perwakilan Malaysia di seberang laut maka, maklumat yang diperlukan tidak dapat diperolehi. Selain daripada itu, apa sahaja bentuk pendapatan merupakan maklumat peribadi individu, maka perkara ini tidak dipantau oleh Perwakilan Malaysia di seberang laut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)**

TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN :

**Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM) minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
menyatakan :-**

- (a) adakah pihak Kerajaan bercadang membina lebih banyak balai-balai Bomba di setiap daerah atau negeri memandangkan pertambahan bilangan penduduk setiap tahun khususnya di kawasan PBT; dan
- b) adakah pihak Kerajaan bercadang membina atau menggantikan balai Bomba yang sedia ada kepada lokasi yang lebih besar dan sesuai memandangkan lokasi yang sedia ada terlalu sempit, contohnya Balai Bomba Pekan Sabak Bernam, Selangor.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia pada dasarnya sentiasa mengkaji keperluan perkhidmatan kebombaanan diseluruh negara dari semasa ke semasa. Berdasarkan kajian tersebut, Jabatan akan mengemukakan cadangan permohonan pembinaan balai bomba baru semasa permohonan Rancangan Malaysia Lima Tahun .

Cadangan pembinaan sesebuah balai bomba baru adalah berasaskan kepada kriteria iaitu seperti berikut :-

- a. indikator risiko kebakaran di kawasan tersebut
- b. jumlah kepadatan penduduk
- c. keluasan kawasan jagaan bagi sebuah balai bomba

d. keperluan sosial politik

e. faktor keadaan geografi

f. keperluan strategik

Semasa permohonan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RML), selain daripada permohonan pembinaan balai bomba baru, Jabatan ini juga mengemukakan beberapa permohonan untuk membina semua balai bomba sedia ada yang telah lama, kecil dan sempit untuk digantikan dengan balai bomba baru di tapak sedia ada ataupun di tapak baru yang lebih sesuai.

Walaupun, pelaksanaan pembinaan balai bomba baru dan penggantian ini adalah tertakluk kepada senarai dan peruntukan kewangan yang diluluskan.

Mengenai balai bomba sedia ada di Pekan Sabak Bernam, Selangor pula, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dari

semasa ke semasa akan membuat penilaian ke atas keperluan untuk menaik taraf atau membina balai bomba baru berdasarkan kepada perkembangan semasa di kawasan tersebut.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

negara. Peruntukan ini disalurkan melalui Kementerian Kewangan sebanyak RM30 juta dan KPM sebanyak RM10 juta.

Pada awal tahun 2009 ini, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta kepada semua kategori Sekolah Bantuan Kerajaan iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan *Mission School* di mana setiap kategori sekolah berkenaan menerima peruntukan berjumlah RM50 juta. Bantuan kewangan tersebut adalah di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009 di mana peruntukan tersebut akan digunakan untuk tujuan pembaikan kecil serta pembelian harta modal (perabot sekolah). Bagi SJKT, peruntukan 50 juta disediakan untuk projek pembangunan dan penyediaan perabot dan pihak JKR adalah bertanggung jawab dalam projek-projek penyelenggaraan sekolah-sekolah tersebut.

SOALAN NO. 51**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED.

KAWASAN : SEKIJANG

TARIKH : 02.03.2009 (ISNIN)

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED (SEKIJANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah syarikat (pelabur asing) yang menutup operasi perniagaannya di negara ini bermula tahun 2004, 2005, 2006, 2007 dan 2008. Apakah sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 2004 hingga 2008, sebanyak 80 syarikat asing yang memiliki lesen pengilang yang dikeluarkan oleh MITI telah menutup operasi mereka di Malaysia.

Pecahan syarikat yang menutup operasi perniagaan adalah:

- 12 pada tahun 2004;
- 13 pada tahun 2005;
- 21 pada tahun 2006;
- 17 pada tahun 2007; dan
- 17 pada tahun 2008.

Antara sebab-sebab bagi penutupan kilang-kilang tersebut adalah kerana:

- i) penurunan dalam jualan dan permintaan pasaran;
- ii) peningkatan dalam kos pengeluaran;
- iii) masalah kewangan;
- iv) sumber bahan mentah yang terhad;
- v) pengambilalihan oleh syarikat lain; dan
- vi) penstrukturan semula syarikat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]
TARIKH : 2 MAC 2009
SOALAN :

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah negara kita mempunyai kemudahan makmal untuk ujian *Amniotic Fluid* untuk mengenal pasti "*Chromosomal Abnormality*". Jika tidak, mengapa kita tidak ada kemudahan ini; dan
- (b) adakah Kerajaan kita bercadang untuk mengadakan satu pusat kajian dan pusat perubatan pakar O & G seperti Hospital Kandang Kerbau di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua hospital-hospital negeri mempunyai pakar dalam subkepakaran Perubatan *Maternal-Fetal*. Pakar-pakar ini menjalankan ujian *amniocentesis* untuk ibu-ibu mengandung yang berisiko bagi mengenalpasti *Chromosomal Abnormality*. Prosedur *amniocentesis* ini dijalankan di Pusat Rawatan Harian di Jabatan O&G hospital-hospital negeri tersebut.

Spesimen ujian tersebut akan dihantar ke Singapura untuk dianalisa memandangkan negara kita masih belum mempunyai kepakaran makmal untuk membuat penganalisaan ujian *Amniotic Fluid* itu yang sangat spesifik dan memerlukan satu makmal yang '*sterile*'. Kementerian Kesihatan juga sedang dalam usaha untuk mewujudkan makmal tersebut namun memandangkan ianya akan mengambil masa yang lama untuk dibangunkan, maka pada masa ini adalah lebih mudah untuk membeli perkhidmatan tersebut di Singapura.

- (b) Kementerian Kesihatan juga sedang dalam usaha untuk mewujudkan Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Kuala Lumpur bagi memberikan perkhidmatan yang efisien dan setempat kepada ibu dan kanak-kanak di negara ini yang dijangka siap dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10).

Dalam masa yang sama juga, Kementerian juga sedang memantapkan skop perkhidmatan pusat-pusat kepakaran O&G mengikut zon di hospital-hospital berpakar di seluruh Malaysia seperti Perubatan Reproduksi, Perubatan Maternal-Fetral, Gine-onkologi dan Uroginekologi. Pakar-pakar O&G telah ditempatkan mengikut kepakaran tersebut di seluruh Malaysia. Perancangan telah dibuat untuk menempatkan pakar-pakar O&G di hospital-hospital daerah agar dapat memberi perkhidmatan kepada semua golongan pesakit. Selain dari itu, pakar-pakar O&G ini telah menjalinkan kerjasama yang erat dengan Pusat Penyelidikan Perubatan (*Clinical Research Centre*) dalam menjalankan kajian berkaitan dengan perkhidmatan O&G.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH
[DUNGUN]
TARIKH : 2 MAC 2009
SOALAN :

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor perubatan dan doktor pakar perubatan yang berkhidmat sebagai penjawat awam tetap di hospital-hospital Kerajaan mengikut negeri dan daerah dan berapa ramai doktor-doktor perubatan luar negara yang berkhidmat secara kontrak.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 1 Januari 2009, jumlah pegawai perubatan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan adalah seramai 12,858 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,900 orang adalah terdiri daripada Pakar Perubatan dari pelbagai bidang. Manakala bagi Pegawai Perubatan dari luar negara pula, jumlah keseluruhan adalah seramai 479 orang dan mereka ditempatkan di fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 2 MAC 2009
SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan doktor di sektor swasta dan bilangannya di sektor umum (Kerajaan). Apakah nisbah doktor pakar yang berpengalaman kurang daripada 4 tahun selepas ijazah kepakaran di setiap sektor.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada awal tahun 2008, jumlah keseluruhan Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) adalah seramai 20,280 orang. Daripada jumlah ini, seramai 10,274 orang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan baki seramai 10,006 orang merupakan pegawai perubatan swasta atau persendirian. Ini menjadikan nisbah Pegawai Perubatan Kerajaan kepada swasta sebanyak 1 : 0.97.

Walau bagaimanapun, data mengenai nisbah Pegawai Perubatan Pakar Kerajaan kepada swasta sedang dikumpulkan oleh Kementerian dan dijangka akan dapat dikemaskini dalam tempoh terdekat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Khairy Jamaluddin
[Rembau]

TARIKH : 2 Mac 2009

SOALAN : Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam di mana selepas sahaja pasangan berpisah, bapa atau bekas suami akan terus diperintahkan oleh Mahkamah Syariah agar membayar nafkah anak-anak.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam yang berkaitan perintah pembayaran nafkah yang sedia ada. Ini adalah kerana Akta Undang-undang Keluarga Islam telah pun memperuntukkan had bidangkuasa kuasa Mahkamah Syariah untuk memberikan Perintah berkaitan nafkah samada semasa perkahwinan masih berlangsung atau selepas berlakunya perceraian.

Di bawah peruntukan seksyen 47 Akta tersebut yang melibatkan permohonan perceraian bersama, segala butiran perjanjian yang dipersetujui akan terus direkodkan oleh Mahkamah Syariah dan menjadi

NO SOALAN: 55

Perintah yang wajib dipatuhi oleh defendan sebaik sahaja berlakunya perceraian .

Berdasarkan kedudukan tersebut, sesuatu Perintah itu haruslah dipohon terlebih dahulu kepada Mahkamah Syariah sebelum Mahkamah Syariah menimbangkan dan mengeluarkan apa-apa Perintah yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**
DARIPADA : **Dato' Seri Anwar Ibrahim**
TARIKH : **2 Mac 2009**

SOALAN

Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Paub) minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini pelaksanaan rancangan projek ICT PERKESO masa depan. Sila nyatakan syarat yang diberi kontrak melaksanakan rancangan ini dan kriteria pemilihannya.

(PR-1221-L17595)

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

PERKESO sedang melaksanakan projek penambaaikan sistem ICT untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan. Pada masa ini projek tersebut masih dalam peringkat penilaian perolehan dan PERKESO belum membuat sebarang keputusan mengenai pelantikan vendor.

Kriteria pemilihan vendor untuk melaksanakan projek di atas termasuk:

- 1) Menerokai spesifikasi teknikal bagi Pembangunan, Pembekalan, Ujian dan Pentauliahan PERKESO 'ICT Core Sistem'
- 2) Kebolehan untuk mengemukakan '*Proof of Concept*' bagi melaksanakan modul-modul untuk PERKESO '*ICT Core Sistem*';
- 3) Pengalaman dalam pembangunan dan pentauliahan aplikasi dan sistem ICT;
- 4) Keupayaan untuk menyelenggara dan membekal khidmat sokongan bagi aplikasi dan sistem ICT PERKESO yang dicadang akan dibangunkan.

SOALAN NO.57**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM
KAWASAN : ARAU
TARIKH : 02.03.2009 (ISNIN)

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bagalmanakah usaha Kementerian untuk memastikan IKS-IKS kita untuk terus beroperasi dalam suasana kegawatan ekonomi global terutamanya dalam soal bantuan dan pinjaman kewangan penting kerana IKS-IKS merupakan penggerak nadi kepada industri negara dan juga dalam usaha untuk menyelamatkan puluhan ribu pekerja-pekerja yang bergantung kepada IKS-IKS tersebut .

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membantu meringankan beban kewangan enterpris kecil dan sederhana (EKS) berikutan kemerosotan ekonomi dunia, kenaikan harga minyak, elektrik dan gas, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui SMIDEC telah mengambil langkah-langkah berikut:

- **10 peratus dari bayaran semua geran SMIDEC akan dikeluarkan sebaik sahaja ianya diluluskan;**

- **Jumlah pembiayaan bagi Geran Bersamaan Permulaan Perniagaan telah ditingkatkan daripada RM40,000 kepada RM100,000;**
- **jumlah pembiayaan untuk pembelian mesin dan peralatan di bawah Geran Bersamaan untuk Peningkatan Produk dan Proses telah ditingkatkan daripada RM100,000 kepada RM200,000;**
- **Geran SMIDEC bagi pembelian mesin dan peralatan akan dibayar terus kepada pembekal mesin dan peralatan;**
- **Geran Latihan Untuk Peningkatan Kemahiran telah dinaikkan daripada 50 peratus kepada 80 peratus;**
- **semua EKS yang menerima bantuan kewangan daripada SMIDEC telah diwajibkan untuk mengikuti latihan pengurusan kewangan bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan berkaitan pengurusan kewangan;**
- **Skop Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Modenisasi di bawah MIDF telah diperluaskan untuk merangkumi semua sektor industri dan juga bagi pembelian peralatan dan usaha penjimatan tenaga; dan**
- **kadar faedah pinjaman mudah bagi Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) yang diuruskan oleh MIDF juga akan di struktur semula di mana hanya akan dikurangkan daripada 4 peratus kepada 2 peratus setahun dan jumlah pembiayaan akan ditingkatkan daripada 85 peratus kepada 90 peratus.**

SULIT

SOALAN NO: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 2 MAC 2009

RUJUKAN : 1532

PERTANYAAN :

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan bayi dilahirkan setiap tahun sejak 1970 hingga 1996 dan bilangan mereka yang telah mendapat Kad Pengenalan / MyKad sejak 1982 hingga 2008 khususnya di negeri Sabah serta bilangan kematian yang didaftarkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kelahiran di negeri Sabah dari tahun 1970 hingga 1996 adalah seramai **satu juta, satu ratus dua puluh lapan ribu, tujuh ratus empat puluh lapan (1,128,748) orang.**

Bilangan Kad Pengenalan yang dikeluarkan di antara tahun 1982 hingga 2008 di negeri Sabah adalah sebanyak **992, 706 keping.**

Bilangan kematian yang didaftarkan di negeri Sabah dari tahun 1970 hingga 1996 adalah berjumlah **7,223 orang.**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
(KALABAKAN)**

TARIKH : 02.03.09

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan;-

- (a) apakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf semua jalan raya di negeri Sabah khususnya jalan kampung dan jalan-jalan yang menyambung bandar-bandar utam di Sabah; dan
- (b) jika ya, bilakah projek ini akan mula dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

- a) Untuk makluman YB Datuk, adalah menjadi hasrat Kementerian untuk menaik taraf semua jalan kampung dan jalan-jalan yang menyambung bandar-bandar utama di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya perlu dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan kewangan Kerajaan.
- b) Usaha untuk menaik taraf jalan-jalan tersebut telah dimulakan sejak Rancangan Malaysia Keenam (RMKe-6) lagi dan pelaksanaannya

masih giat dijalankan. Bagi merialisasikan hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang sempurna kepada penduduk luar bandar, Kementerian ini sentiasa berusaha mendapatkan tambahan peruntukan bagi memastikan pelaksanaan JALB dalam tempoh RMKe-9 dapat dilaksanakan sebaik-baiknya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 2 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan supaya Seksyen 30 Akta Perusahaan 1967 dipinda semula supaya pekerja tidak dianiaya di atas pampasan yang dituntut oleh pekerja.

PR-1221-L17113

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Seksyen 30 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) telah dipinda dan dikuatkuasakan mulai 28 Februari 2008. Melalui pindaan tersebut, Jadual Kedua telah dimasukkan dan telah menjadi satu garis panduan yang wajib dipatuhi oleh Mahkamah Perusahaan semasa mengeluarkan sesuatu award.

Pindaan ke atas seksyen 30 Akta 177 menjadikan award-award yang diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan lebih konsisten, realistik dan teratur. Jabatan Perhubungan Perusahaan telah berusaha menyelesaikan kes-kes dalam tempoh 6 bulan terutamanya bagi kes-kes yang difailkan selepas 28 Februari 2008. Kes-kes

tersebut dijangka dapat diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan dalam tempoh 18 bulan berikutnya. Oleh itu, tempoh 24 bulan yang ditetapkan bagi pemberian gaji kebelakangan adalah munasabah. Kementerian saya berusaha menyelesaikan kes-kes pembuangan kerja melalui kaedah rundingan damai di peringkat jabatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Pindaan ke atas seksyen 30 Akta 177 yang memasukkan Jadual Kedua bukanlah suatu penganiayaan terhadap golongan pekerja. Sebaliknya ia merupakan satu langkah yang adil dan saksama kepada semua pihak termasuk pekerja dan juga majikan.

SOALAN NO: 61.....

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. SALLEH BIN KALBI (SILAM)

TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN NO.

Tuan Hj. Salleh bin Kalbi (Silam) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menambah bilangan IKBN memandangkan permohonan besar daripada belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mengikuti pelbagai kursus di peringkat persijilan dan diploma.

JAWAPAN

1. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), KBS telah merancang untuk membina 6 buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) baru yang dijangka siap pada tahun 2010 dan dapat menampung tambahan seramai 3,000 orang pelajar bagi setiap pengambilan. IKBN tersebut adalah:

- (i) IKBN Pekan, Pahang;
- (ii) IKBN Kerteh, Terengganu;
- (iii) IKBN Bandar Penawar, Johor;
- (iv) IKBN Pedu, Kedah;
- (v) IKBN Kuala Langat, Selangor; dan
- (vi) IKBN Tanah Merah Kelantan.

2. Di samping itu kerja-kerja menaiktaraf bagi menambah kapasiti serta keupayaan IKBN sedia ada juga sedang giat dilaksanakan yang melibatkan IKBN-IKBN berikut:

- (i) IKTBN Sepang, Selangor;
- (ii) IKBN Jitra, Kedah; dan
- (iii) IKBN Peretak, Selangor.

3. Dalam memenuhi permintaan bagi latihan kemahiran, selain pembinaan serta menaiktaraf IKBN, KBS juga akan menambah kapasiti program pembiayaan tempat latihan (buying places) di mana para pelajar tidak perlu tinggal di asrama dan dapat menjalani latihan kemahiran di kawasan masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 02 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BILAKAH KERAJAAN AKAN MELULUSKAN PERUNTUKAN BAGI CADANGAN JALAN SAMBUNGAN (MISSING LINK) YANG MENGHUBUNGKAN LEBUH RAYA KESAS KE JALAN PJS 1/15, TAMAN SRI MANJA, PETALING JAYA.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI BERTHORMAT, UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI (UPE,JPM) TELAH MELULUSKAN SILING SEBANYAK RM20 JUTA BAGI PROJEK INI DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KE-9. PADA MASA INI, LEMBAGA LEBUH RAYA MALAYSIA TELAH MELANTIK JURUPERUNDING AWAM DAN STRUKTUR BAGI MELAKUKAN KERJA-KERJA REKABENTUK BAGI PROJEK PEMBINAAN PENYAMBUNGAN PERSIMPANGAN KINRARA UTARA DARI LEBUHRAYA SHAH ALAM KE JALAN KLANG LAMA. KERJA-KERJA REKA BENTUK INI DIJANGKA AKAN MENGAMBIL MASA SELAMA 5 BULAN BERMULA DARIPADA 22 DISEMBER 2008. PENYEDIAAN PELAN REKA BENTUK TERPERINCI DAN PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER PULA DIJANGKA AKAN DISIAPKAN PADA PENGHUJUNG BULAN MEI

2009. KERJA-KERJA REKABENTUK KINI MASIH DIPERINGKAT AWAL DAN KERJA-KERJA PEMBINAAN DIJANGKA AKAN MENGAMBIL MASA LEBIH KURANG 18 BULAN DARI TARIKH DOKUMEN TENDER DIMUKTAMADKAN. PROJEK INI DIJALAN KAN SECARA KONVENSIONAL.

NO: 64

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA
LISAN

PERTANYAAN : Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
DARIPADA : (KULIM BANDAR BARU)
TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)
NO. SOALAN : 63

Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan :-

- (a) apakah matlamat dan tujuan perayaan sambutan Tahun Baru Masihi dan nyatakan pecahan sambutan tersebut termasuk pembayaran kepada artis, bunga api, perkhemahan dan logistik; dan
- (b) adakah matlamat tersebut tercapai dan adakah Kerajaan bercadang memansuhkan perayaan sambutan Tahun Baru Masihi ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia buat masa ini belum pernah menganjurkan apa-apa program sempena Sambutan Tahun Baru Masihi.

Sambutan Tahun Baru Masihi setakat ini hanya dianjurkan dan dilaksanakan oleh pihak swasta, seperti sambutan di KLCC dianjurkan oleh Petronas, sambutan di Sunway Pyramid dianjurkan oleh Sunway

Group dan sambutan di Dataran Merdeka dianjurkan oleh Ambank Group. Bagi sambutan Tahun Baru Masihi di Dataran Merdeka, pihak Ambank Group telah menganjurkannya sebanyak empat tahun berturut-turut termasuk Tahun Baru Masihi 2009.

- b) Tindakan untuk memansuhkan sambutan Tahun Baru Masihi yang diadakan pada setiap tahun adalah diluar bidang kuasa Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Kementerian melihat pengajaran aktiviti di malam Sambutan Tahun Masihi dari konteks positif iaitu dengan merujuk kepada kesan pelaburan ekonomi syarikat untuk jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, kementerian mencadangkan agar pihak penguasa tempatan dapat membuat pemantauan supaya sambutan yang diadakan pada setiap tahun tidak meminggirkan aspek nilai-nilai murni dan budaya luhur masyarakat Malaysia.

SOALAN NO: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF

TARIKH: 2 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [Balik Pulau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap waktu kerja 12 jam dan skim kerja secara kontrak yang menjadi pilihan majikan-majikan di sektor perkilangan seperti di Zon Bebas Perdagangan Bayan Lepas.

PR-1221-L17679

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan kebajikan pekerja di Malaysia terpelihara. Tempoh kerja 12 jam sehari yang diamalkan oleh sesetengah majikan adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kerja 1955. Mengikut Akta Kerja 1955 seorang pekerja boleh dikehendaki bekerja secara normal selama lapan jam dalam satu hari dan di samping itu melakukan kerja lebih masa tidak melebihi empat jam sehari menjadikan jumlah waktu kerjanya 12 jam. Sementara itu bagi yang bekerja syif pula mereka boleh dikehendaki bekerja tidak melebihi dua belas jam dalam satu hari sebagai waktu kerja normal tertakluk kepada waktu kerja yang tidak melebihi 48 jam seminggu.

Tuan Yang Dipertua,

Penggajian pekerja kontrak juga tertakluk kepada peruntukan undang-undang perburuhan. Adalah menjadi kebiasaan pada masa ini kepada majikan-majikan Malaysia di mana jua mereka beroperasi termasuk di Bayan Lepas mengambil dan menggaji pekerja-pekerja secara kontrak. Amalan ini adalah bagi memenuhi permintaan produk yang tinggi pada musim-musim tertentu. Lazimnya kontrak pekerja ini adalah diantara 3 hingga 6 bulan dan boleh dilanjutkan mengikut keperluan. Semua pekerja kontrak dilindungi oleh undang-undang perburuhan. Jabatan Tenaga Kerja sentiasa menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan dari semasa ke semasa di premis pekerjaan bagi memastikan para majikan tidak melanggar sebarang peruntukan undang-undang perburuhan berkaitan penggajian pekerja termasuk penggajian pekerja kontrak.

NO: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG
(NIBONG TEBAL)
TARIKH : 02. 03. 2009
NO. SOALAN : 65

TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL) minta **MENTERI PERDAGANGAN**
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan adakah Kementerian
menyedari masalah berat yang dihadapi oleh rakyat sekarang ialah harga barangan dan makanan
asas yang masih tinggi walaupun harga minyak mentah dunia telah pun lama turun..

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapat barang keperluan dengan
harga yang berpatutan, bukan sahaja di bandar malah di luar bandar juga. Kerajaan telah
melaksanakan beberapa langkah dalam usaha menghilangkan kegelisahan pengguna terhadap
harga barangan yang masih mahal berbanding dengan penurunan harga minyak iaitu :

1. Pemantauan harga barangan keperluan di hypermarket, pasaraya dan pasar-pasar basah di seluruh Negara yang dikenali sebagai "*Price Watch*". "*Price Watch*" dilaksanakan bagi memberi maklumat kepada pengguna membuat perbandingan harga ketika berbelanja. Hasil pemantauan yang dijalankan oleh pegawai pemantau harga (PPH) boleh dirujuk di laman web Kementerian bagi membuat semakan harga pada setiap hari bagi kemudahan orang ramai. Pengguna boleh memilih mana-mana premis yang mengenakan harga yang berpatutan apabila ingin berbelanja. Ini akan menyebabkan berlaku persaingan harga di antara pasararaya-pasaraya besar di seluruh negara bagi bertujuan menarik pengguna berbelanja di pasaraya masing-masing.

2. Melaksanakan projek perintis pengedaran barang-barang perlu bersubsidi di kawasan luar bandar yang bertujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti beras tempatan 15 peratus hancur ST15, tepung gandum kegunaan am (GP), minyak masak pek 1kg, roti putih, gula dan LPG sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan. Di samping mengenalpasti sistem pengedaran yang cekap, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutama di kawasan luar bandar, projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambahbaik sistem pengedaran sedia ada, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak.

Projek perintis tersebut telah berjaya dilaksanakan di Pulau Pinang (Seberang Perai Utara), Pahang (Pekan), Sarawak (Saratok) serta Sabah (Sipitang dan Pensiangan) dan pada tahun 2009 projek perintis ini akan dilanjutkan ke negeri-negeri lain seperti Kelantan (Jeli), Kedah (Baling), Johor (Pontian) dan Terengganu (Hulu Terengganu).

3. Penganjuran Kempen Penurunan Harga yang bertujuan menggalakkan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan. Kempen tersebut telah dimulakan pada 24 Oktober 2008 dimulai di peringkat runcit terutamanya bagi sektor peruncitan moden seperti pasaraya besar asing dan tempatan contohnya Giant, Tesco, Mydin, Carrefour, Jusco dan The Store, kedai runcit yang mempunyai jaringan seperti UO Superstore, Sunshine, Econsave, 99 Speedmart dan sebagainya.

4. Kerajaan juga telah mengistiharkan Tahun 2009 sebagai Tahun Kempen Beli Barangan Malaysia yang bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan buatan Malaysia yang terbukti dari segi kualitinya dan perkhidmatan selepas jualan yang memuaskan serta menawarkan harga yang berpatutan dan mampu dibeli oleh pengguna.

Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa melakukan pemeriksaan dan pemantauan bagi memastikan para peniaga mematuhi undang-undang sediaada dan mengelakkan para peniaga daripada menaikkan harga barang kawalan sewenang-wenangnya. Tindakan pemeriksaan secara keseluruhan yang dijalankan sepanjang musim perayaan dan hari-hari biasa telah dapat menangani masalah peniaga yang tidak beretika.

Selain daripada itu, pemantauan harga barangan juga dijalankan oleh pegawai pemantau harga (PPH) seramai 1551 orang di bawah Majlis Harga Barang Negara. Pegawai pemantau harga membuat pemantauan ke atas harga runcit barang-barang keperluan pengguna pada setiap hari. Pemantauan dibuat di premis-premis perniagaan seperti pasar basah, pasar kering, *supermarket* dan kedai runcit yang berada di bandar-bandar utama dan daerah-daerah termasuk kawasan-kawasan pendalaman.

Sekiranya terdapat para peniaga peniaga yang menjual barang kawalan seperti tepung gandum, gula, beras, roti putih, susu tepung dan minyak masak yang melebihi harga siling tindakan undang-undang akan di ambil.

Selain daripada tindakan undang-undang, beberapa sesi perjumpaan dan dialog dengan pihak peniaga juga dilakukan bagi menyampaikan mesej kerajaan dan mendapatkan input daripada mereka agar suasana peniagaan berjalan secara beretika dan melahirkan kepercayaan pengguna kepada peniaga-peniaga.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

NW: 66-

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN
BIN ABBAS (TELOK KEMANG)
TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)
NO. SOALAN : 66

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS minta MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN menyatakan langkah-langkah dan usaha Kerajaan untuk bersaing dengan kebangkitan beberapa Negara Asia seperti Singapura, Indonesia, Taiwan, Korea Selatan, Jepun dan Iran di peringkat antarabangsa dalam penghasilan produk kebudayaan seperti filem, seni lukis, animasi dan muzik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) telah mengambil beberapa langkah-langkah perlu dalam usaha untuk bersaing supaya setanding dengan kebangkitan beberapa Negara Asia seperti Singapura, Indonesia, Taiwan, Korea Selatan, Jepun dan Iran di peringkat antarabangsa dalam penghasilan produk kebudayaan seperti filem, seni lukis, animasi dan muzik. Antara langkah-langkah tersebut ialah;

- i. Pembangunan modal insan telah dipertingkatkan dalam pelbagai bidang seni persembahan, termasuk filem, seni lukis, animasi dan muzik. Kursus-kursus seni telah ditawarkan di beberapa pengajian awam dan swasta di Malaysia seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putera Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Sains Malaysia, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Universiti Lim Kok Wing sama ada di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah dan Doktor Falsafah. Bagi meningkatkan kepakaran dalam bidang tersebut KPKKW juga telah menyediakan bantuan kewangan kepada penggiat seni yang ingin mendapat latihan sama ada di dalam atau luar negara dalam jangka pendek bagi meningkatkan kemahiran mereka melalui Skim Latihan Penggiat Seni (SLPS).
- ii. Infrastruktur seni budaya yang berteknologi tinggi telah dipertingkatkan supaya seiring dengan kemudahan dan teknologi negara-negara maju. Sebagai contoh ialah pembinaan Pusat Adunan Bunyi Studio Digital Mix Stage di Kompleks Studio Merdeka yang menelan belanja RM 53 juta bagi membantu pengusaha filem menjalankan kerja-kerja pasca produksi. Membina bangunan tambahan Istana Budaya yang melibatkan kos sejumlah RM 30 juta bagi meningkatkan penggunaan Istana Budaya. Membina bangunan tambahan Balai Seni Lukis Negara dengan kos RM 24.8 juta bagi

menyediakan ruang pameran yang mencukupi kepada penggiat seni tanah air. Menaik taraf Kampung Budaya Sarawak, Kuching, Sarawak dengan kos RM 5 juta untuk memberi kemudahan kepada para pengunjung ke perkampungan tersebut.

- iii. Orientasi pemasaran pelbagai produk seni budaya ke luar negara telah dipertingkatkan dengan menyertai pelbagai program seperti *arts market*, ekspo dan festival seperti menyertai olimpik seni persembahan di *World Championship of Performing Arts* di Hollywood, Los Angeles, Amerika Syarikat sebagai acara tahunan KPKKW, *World Expo Zaragoza*, Sepanyol, *Cannes Film Festival*, *Hong Kong Film Mart*, *Mit TV dan Mit Com di Cannes*, *American Film Market dan European Film Market di Berlin*, German dan pameran antarabangsa berkaitan dengan produk kraf tangan.
- iv. Mengadakan kerjasama pintar dengan pakar-pakar luar negara dalam pelbagai bidang seni budaya. Di antara program yang diadakan ialah *Master Class* dalam bidang filem dengan kerjasama pakar dari Jepun, German, Amerika dan Perancis; menerbitkan filem animasi *Hang Tuah* dengan kerjasama Syarikat *Gonzo*, Jepun; kerjasama penerbitan filem dokumentari dengan *National Geographic Channel*, *Discovery Networks Asia* dan *AETN All Asian Networks*. Bidang kraf tangan telah mendapat bantuan tenaga pakar dari Indonesia, Jepun, dan Uzbekistan.

- v. Penyemarakkan beberapa produk seni tempatan ke luar negara. Oleh itu terdapat beberapa produk seni tempatan telah diadakan dan mendapat pengiktirafan pihak luar negara seperti, muzik tradisional Malaysia melalui *'Malaysia Traditional Orchestra'*, yang telah diadakan di Esplanade, Singapura, Minggu Malaysia di London, persembahan teater *'Puteri Gunung Ledang'* di Singapura, beberapa produk kraf negara telah di pasarkan di Harrod, London dan beberapa filem tempatan telah memenangi beberapa hadiah di luar negara antaranya *'Pontianak Sundal Malam'*, *'Sepet'* dan *'KL Menjerit'*.
- vi. Pemantapan organisasi kementerian dan agensi di bawah KPKKW adalah penting bagi memastikan ia relevan dan dapat bersaing dengan negara-negara maju. Diantara usaha KPKKW ialah, menyediakan Pelan Tindakan KPKKW bagi tahun 2009-2013. Dalam pelan tersebut visi KPKKW ialah *'Menjadi Peneraju Utama Dalam Merealisasi Malaysia Sebagai Hub Seni, Budaya, Dan Warisan Di Peringkat Antarabangsa Khususnya Rantau Asia'*. Pelan tindakan yang disediakan oleh kementerian dan agensi menjurus ke arah visi tersebut bagi memastikan ianya dapat bersaing dengan negara-negara maju di dunia.

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]

TARIKH : 02 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN SAMA ADA KERAJAAN AKAN MEMBUKA JALAN ALTERNATIF KE DAN DARIPADA PUCHONG UNTUK MEMBERIKAN PILIHAN KEPADA RAKYAT KAWASAN PUCHONG SUPAYA MENGGUNAKAN JALAN-JALAN TIDAK BERTOL DI KAWASAN PUCHONG DAN SEKIRANYA TIDAK, KENAPA.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, LEBUHRAYA DAMANSARA PUCHONG (LDP) MERUPAKAN SEBUAH LEBUHRAYA BERTOL SECARA SISTEM TERBUKA (*OPEN TOLL SYSTEM*) SEPANJANG 40 KM YANG MELALUI KAWASAN BANDAR YANG BERPENDUDUKAN TINGGI DENGAN KORIDOR YANG TERHAD. LEBUHRAYA DAMANSARA PUCHONG (LDP) TELAH MULA DIBINA PADA TAHUN 1996 DAN DIBUKA UNTUK KEGUNAAN LALU LINTAS PADA TAHUN 1999. PEMBANGUNAN DI KAWASAN PUCHONG INI TELAH DATANG SELEPAS LEBUHRAYA LDP INI DIBINA. PEMBANGUNAN PESAT INI TELAH MEMBAWA KEPADA PENINGKATAN JUMLAH TRAFIK KHUSUSNYA DI KAWASAN PLAZA TOL.

TUAN YANG DIPERTUA, KITA PERLU JUGA MELIHAT DARI ASPEK POSITIF YANG TELAH DIBAWA DENGAN PEMBINAAN LEBUHRAYA INI DI MANA LEBUHRAYA LDP MERUPAKAN ANTARA PENCETUS PEMBANGUNAN DI KAWASAN PUCHONG TERUTAMANYA PEMBANGUNAN KOMERSIAL DAN PERUMAHAN.

UNTUK MAKLUMAN AHLI BERHORMAT, LALUAN ALTERNATIF SEDIA ADA ADALAH MELIPUTI RANGKAIAN JALAN TEMPATAN SEDIADA SERTA RANGKAIAN-RANGKAIAN JALAN YANG DIWUJUDKAN MELALUI PEMBANGUNAN TEPI LEBUHRAYA DI KAWASAN PUCHONG. BERIKUT ADALAH SENARAI LALUAN ALTERNATIF YANG TERDAPAT DI KAWASAN PUCHONG :-

A JALAN ALTERNATIF TANPA MELALUI PLAZA TOL PUCHONG BARAT

DESTINASI USJ SUBANG – PUCHONG PERDANA MELALUI JALAN-JALAN BERIKUT:-

- LDP
- JALAN JURUTERA
- LORONG 2
- JALAN SRI PUCHONG
- LORONG 2
- JALAN PUCHONG PERMAI 1
- JALAN PUCHONG PERMAI
- PERSIARAN PUCHONG PERDANA

B JALAN ALTERNATIF TANPA MELALUI PLAZA TOL PUCHONG BARAT

**DESTINASI PUCHONG UTAMA – PUTRAJAYA
MELALUI JALAN-JALAN BERIKUT:-**

- JALAN B15
- JALAN PULAU MERANTI (BEING UPGRADED BY JKR)
- JALAN PUCHONG (BEING UPGRADED BY JKR)

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

TARIKH

02.03.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rasional keputusan supaya semua sekolah menanggung pungutan semua yuran sehingga Mac 2009 dan mengapakah tidak dimansuhkan yuran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil keputusan supaya menanggung pungutan bayaran tambahan untuk sesi persekolahan sehingga bulan Mac 2009. Penangguhan ini dilakukan setelah mengambil kira pandangan semua pihak dan membuat penambahbaikan daripada isu-isu yang ditimbulkan oleh orang awam berkaitan bayaran tambahan sebelum ini. Di antara rasional tindakan menanggung bayaran tambahan sehingga Mac 2009 adalah seperti berikut:-

Keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu;

Menurunkan beban perbelanjaan persekolahan awal tahun ibu bapa dan

iii. Memberi ruang kepada PIBG untuk bersama-sama membuat keputusan secara kolektif dalam hal persekolahan anak-anak dalam Mesyuarat Agung PIBG.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 2 MAC 2009

RUJUKAN : 1531

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Nor Bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk mengatasi masalah rompakan di daerah Hulu Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Hulu Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, kawasan Hulu Terengganu adalah diletakkan di bawah pengawasan IPD Hulu Terengganu yang mana terdiri daripada 3 buah balai iaitu Balai Polis Kuala Berang, Balai Polis Ajil dan Balai Polis Telemong. Jumlah keanggotaan IPD Hulu Terengganu ialah seramai 164 orang, manakala jumlah penduduknya ialah seramai 76,200 orang. Nisbah anggota polis kepada penduduk Hulu Terengganu ialah (**1 anggota : 465 orang**).

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes samun yang dilaporkan bagi tahun 2007 ialah sebanyak 13 kes iaitu 3 kes melibatkan samun berkawan tanpa senjata api dan 10 kes samun bersenjata api. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Seksyen 391 Kanun Keseksaan memperuntukkan definisi samun berkawan sebagai mana-mana samun yang dilakukan oleh dua [2] orang atau lebih. Manakala, bagi tahun 2008 hanya 3 kes samun melibatkan samun berkawan tanpa senjata api dilaporkan di Hulu Terengganu. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 10 kes

atau 76.92% dan pihak polis telah berjaya menyelesaikan ketiga-tiga kes samun yang dilaporkan pada tahun tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis daripada semasa ke semasa akan memberikan penumpuan dengan menugaskan lebih ramai anggota di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Jumlah rondaan turut ditambah supaya menjadi lebih kerap menggunakan kenderaan MPV, rondaan bermotosikal dan rondaan Bit/Patrol secara berjalan kaki di laluan-laluan yang dikenalpasti menjadi kawasan tumpuan orang ramai. Tambahan pula, melalui pewujudan balai-balai polis komuniti serta pondok-pondok polis, radius atau kawasan rondaan dapat dikecilkan dan penumpuan yang lebih fokus boleh diberikan kepada kawasan-kawasan tersebut. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan kehadiran pihak polis di kawasan yang berkenaan. Selain itu, rangkaian kerjasama di antara pihak polis dan masyarakat setempat juga dieratkan lagi melalui penyertaan masyarakat dalam "Rakan Cop". Pihak polis juga telah menyediakan kemudahan atas talian dan sms bagi memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak polis berhubung jenayah yang berlaku di tempat tinggal masing-masing. Selain menggunakan peruntukan di bawah Kanun Keseksaan, tindakan menggunakan undang-undang pencegahan turut diambil bagi memastikan tiada penjenayah dapat meloloskan diri dan terlepas daripada hukuman.

SOALAN NO. (70)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

TARIKH : 2 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan Pusat berhasrat memberi suntikan dana khas untuk penyelenggaraan kerosakan lif-lif di pangsapuri swasta akibat daripada kelemahan badan pengurusan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan Pusat tidak berhasrat memberi suntikan dana khas untuk penyenggaraan kerosakan lif-lif di pangsapuri swasta akibat daripada kelemahan badan pengurusan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan
[Padang Serai]**

TARIKH : 2 Mac 2009

SOALAN : Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bagan Datok supaya ketua jabatan Kerajaan tidak dibenarkan menghadiri mana-mana mesyuarat yang dianjurkan oleh Kerajaan negeri Pakatan Rakyat.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Kenyataan lisan yang dikeluarkan kepada ketua-ketua jabatan Persekutuan agar tidak melibatkan diri dalam mesyuarat –mesyuarat yang dianjurkan oleh kerajaan negeri bagi memastikan semua perancangan pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]
TARIKH : ISNIN, 2 MAC 2009
RUJUKAN : 06
SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan mengapa Kementerian tidak menamatkan perjanjian dengan 4 syarikat konsesi yang mengendali tempat letak kereta atas sebab mereka gagal membayar tunggakan melebihi RM7.5 juta kepada DBKL sejak tahun 2004 dan bilakah tindakan mahkamah akan diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, sistem tempat letak kereta bermeter sebelum ini telah dioperasikan oleh 3 operator yang telah ditamatkan kontraknya pada 6 Jun 2008. Justeru, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak menamatkan perjanjian dengan syarikat konsesi tersebut adalah tidak benar sama sekali. Dua dari syarikat berkenaan sedang dalam proses diambil tindakan undang-undang untuk menjelaskan tunggakan iaitu Syarikat Satupadu Sdn. Bhd. dan Syarikat Saripati Sdn. Bhd. Manakala tunggakan bagi satu lagi syarikat iaitu Syarikat Asas Budiman telah diselesaikan dengan cara menolak dari wang cagaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melantik 4 syarikat sebagai pembekal bagi satu sistem baru iaitu sistem tempat letak kereta elektronik (SLKE) Pada Mac 2008. DBKL menyewa sistem tersebut daripada pembekal dan telah mula dipasang dan beroperasi sejak Jun 2008. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

1. M Park Sdn. Bhd.
2. Sungguh Abadi Sdn. Bhd.
3. Mis Bakti Sdn. Bhd.
4. Godell Parking Sdn. Bhd.

Bagi kerja-kerja kutipan ke atas hasil pula, DBKL telah melantik 7 syarikat yang bertindak sebagai operator yang terdiri daripada:

1. KSM Sdn. Bhd.
2. MH Global Sdn. Bhd.
3. Cahaya Padang
4. Oval Success Sdn. Bhd.
5. Juta Krystal sdn. Bhd.
6. Tras Bena
7. IIUM Holding Sdn. Bhd.

Ketujuh-tujuh operator ini akan membayar sewa kepada DBKL pada kadar RM5.50 sepetak sehari bagi kawasan Pusat Bandar dan RM2.80 sepetak sehari bagi kawasan Luar Pusat Bandar.

SOALAN NO: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH : 2 MAC 2009

RUJUKAN : 1533

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen untuk membentangkan Rang Undang-undang mengenai RELA yang menimbulkan banyak masalah terhadap operasi penangkapan imigran.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah membuat pindaan kepada Akta (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1964 Peraturan-peraturan Perlu (Ikatan Relawan Rakyat) (Pindaan 2005) yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Yang Layak (Penolong Pegawai RELA Daerah; Pegawai RELA Daerah; Pengarah RELA Negeri dan Ke atas) untuk memeriksa, menahan dan menangkap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). **Pemberian kuasa ini berkuatkuasa mulai 01 Februari 2005** dan semenjak itulah operasi menangkap Pendatang Asing tanpa Izin menjadi 'Core Business' Pasukan RELA.

Anggota RELA hanya akan diberi **kuasa secara bertulis untuk memeriksa dan menangkap PATI terhad semasa operasi dijalankan.** Penurunan kuasa ini mempunyai had masa dan tempat tertentu dan ini bermakna selepas sahaja sesuatu operasi menangkap PATI selesai maka dengan sendirinya kuasa yang ada

pada anggota-anggota RELA akan luput dan begitulah seterusnya bagi operasi-operasi yang akan dijalankan dari masa ke semasa.

Bagi memastikan pegawai dan anggota-anggota RELA membuat operasi secara berhemah maka anggota-anggota RELA telah pun diberi **latihan dan kursus-kursus** yang berkaitan dengan operasi menangkap Pendatang Asing Tanpa Izin dan kursus-kursus ini akan dilaksanakan secara berterusan dari masa ke semasa. Disamping itu anggota-anggota RELA yang terlibat dengan operasi akan diberi penerangan mengenai **apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak boleh dibuat sebelum dan selepas operasi sapertimana yang terkandung di dalam SOP (Standard Operating Procedure).**

Dengan lain-lain perkataan, arahan Ketua Pengarah RELA Malaysia mengenai **Tatacara Pengendalian Operasi Tegas (Operation Procedure)** dan bersamanya juga telah dikeluarkan “**Standard Operating Procedure**” sebagai panduan kepada pegawai dan anggota semasa menjalankan operasi.

Walaupun bagaimanapun kementerian ini sedang dalam proses menyediakan Undang-Undang Tubuh Ikatan Relawan Rakyat Malaysia sejajar dengan cadangan untuk menjadikan RELA sebagai sebuah Jabatan Persekutuan.

SOALAN NO : 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]
TARIKH : 2 MAC 2009
SOALAN :

Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian bercadang untuk membina sebuah poliklinik di Tanjong Manis memandangkan jumlah penduduk dan warga asing berkembang pesat dan akan bertambah dan Tanjong Manis di bawah Pembangunan Koridor Sarawak (SCORE); dan
- (b) jika ya, bilakah pembinaan ini akan mula dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan pada masa ini tidak membuat sebarang perancangan untuk membina sebuah poliklinik di Tanjong Manis. Walau bagaimanapun, Kementerian bersedia untuk mempertimbangkan pelaksanaannya di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 kelak.